

BERSIHKODUDUKAN DAN POLA-POLA HUKUMANNYA
DI NEGERTI KELANTAN

OLEH

NO. MATRIK : 35812

LATIHAN UNTUK MENCAPAI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA HUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI,

UNIVERSITI MALAYA,

KUALA LUMPUR,

1981-1982

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur Alhamdulillah ke hadsrat Allah s.w.t. kerana dengan keizinan dan limpah kurnianya dapat juga penulis menyiapkan latihan ilmiah ini.

Dalam ruangan ini ingin penulis merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian dan penulisan ini, terutamanya kepada Encik Ab. Hadi Zakaria, pensyarah Jabatan Antropologi dan Sociologi Universiti Malaya yang juga menjadi penyelia kepada penulis.

Penulis sangat terhutang budi kepada kerana telah membimbing, memberi nasihat dan teguran yang sungguh berfaedah sehingga dapat penulis menyiapkan tulisap ini.

Terima kasih juga penulis ucapkan kepada Puan Fatimah Daud kerana telah mengawasi dan menasihati saya pada permulaan kajian ini. Seterusnya kepada Tuan Kadi Besar Kelantan Hj. Yusuf Hj. Osman, Timbalan Kadi Besar Kelantan Hj. Muhammad Hj. Abdullah Tahir, Tuan Kadi Jajahan Kota Bharu Hj. W. Idris Hj. Muhammad kerana membenarkan penulis membuat kajian di Nahkalah Syarikh dan menemubual mereka serta kepada beberapa orang pesalah yang juga telah ditemubual oleh penulis. Begitu juga kepada beberapa

orang kakitangan di Mahkamah Syariah Kota Bharu yang telah menyediakan kepada penulis segala dokumen yang diperlukan.

Akhir sekali tidak lupa penulis berikan penghargaan kepada Tuan Imam di tempat penulis dan beberapa orang guru Sekolah Pondok yang secara tidak langsung telah memberikan pendapat dan pandangan mereka serta kepada saudara Roslan Sulaiman yang non-dorong dan menemaninya setiap hari semasa penulis membuat kajian.

Besungguhnya, terbentuknya penulisan ini adalah juga dari pertolongan saudara dan saudari semua dan iaanya tetap menjadi kenangan saya.

35 A/4 Asrama T.P.M.
Jalan Tanduk,
Bangsar,
Kuala Lumpur.

21 November 1981.

SINOPSIS

Dua perkara penting yang menjadi tajuk penulisan ini ialah jenayah bersekedudukan dan pola-pola hukumannya yang sedang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.

Sebelum menasuki kedua-dua soal pokok tersebut, sebagai permasalahan ini dalam bab 1 diuraikan teori penghukuman dan pengertian jenayah secara umum mengikut konsep Islam dan pendapat sarjana Barat. Untuk itu diberikan kriteria-kriteria yang digunakan oleh kedua-dua pihak sebagai penentu masing-masing ke atas perlakuan yang dianggap jenayah.

Dalam bab 2 barulah diuraikan dengan mendalam berkenaan dengan bersekedudukan dengan memberikan pengertiannya mengikut tafsiran undang-undang Mahkamah Syariah dan sebab-sebab ianya berbeza dengan perbuatan khilwat. Umumnya kebanyakkan orang tidak dapat membezakan kedua-dua perbuatan tersebut. Diterangkan juga sebab-sebab mengapa orang yang bersekedudukan tidak dapat dituduh sebagai melakukan zina walaupun sudah ternyata mereka melakukan zina.

Seterusnya diteliti pula perkembangan jenayah bersekedudukan sepanjang 4 tahun untuk mengetahui apakah ianya terus bertambah atau berkurang. Kesudian dianalisa berkenaan dengan masa dan tempat kejadian jenayah dan golongan yang terlibat

dengannya serta umur, pekerjaan dan taraf perkahwinan setiap pesalah. Ini terdapat dalam bab 3.

Sesal pokok kedua yang dikaji ialah pola-pola hukuman ke atas kesalahan bersekedudukan iaitu dalam bab 4. Di sini diuraikan bentuk-bentuk hukuman yang sedang berkuatkuasa sekarang dan sebab-sebab adanya perbezaan hukuman ke atas pesalah. Juga dilihat apakah hukuman tersebut telah menimbulkan kesan atau tidak ke atas pesalah dan masyarakat.

Setelah memahami apa sebenarnya jenayah bersekedudukan dan implikasi hukumannya, beberapa cadangan diutarakan oleh ponulis untuk membaiki hukuman dan mengatasi jenayah bersekedudukan iaitu dalam bab 5. Walaupun mungkin saranan tersebut sudah disedari oleh pihak yang bertanggungjawab tetapi masih tidak ada langkah seumur untuk memperbaikinya. Oleh itu di masa-masa yang akan datang diharapkan akan ada usaha yang positif dilakukan oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi jenayah ini.

DAFTAR PUSTAKA

1.2.1. *Malaysian Criminal Justice System*

1.2.2. *Malaysian Criminal Procedure Code*

1.2.3. *Malaysian Criminal Offences*

KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---------|
| PENGHARGAAN | i |
| SINOPSIS | iii |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | viii |
| | |
| PENDAHULUAN | |
| a. Apa Yang Hendak Dikaji | 1 |
| b. Tempat Kajian | 3 |
| c. Tahun Kajian | 3 |
| d. Kaedah Kajian | 3 |
| e. Masalah Kajian | 4 |
| | |
| BAB 1 : PENGERTIAN JENAYAH DAN TEORI PENGHUKUMAN | |
| 1.1 Pengertian Jenayah | 7 |
| 1.2 Teori Penghukuman | 16 |
| 1.2.1 Prinsip Penghukuman Pembalasan (retribution) | 17 |
| 1.2.2 Prinsip Pertahanan Sosial (Social Defence) | 22 |
| 1.2.3 Prinsip Penghukuman 'Utilitarian' | 26 |
| 1.3 Kajian Pendek | 30 |
| 1.4 Kajian Pendalam | 32 |
| 1.5 Kajian Persekutuan | 33 |

| | Halaman |
|---|---------|
| BAB 2 : KHALWAT DAN BERSEKEDUDUKAN | |
| 2.1 Pengertian Khalwat Secara Ringkas | 30 |
| 2.2 Pengertian Bersekedudukan | 35 |
| 2.2.1 Bukan Muhrim | 39 |
| 2.2.2 Berkurung | 41 |
| 2.2.3 Menimbulkan Syak | 42 |
| 2.3 Pandangan Masyarakat | 47 |
| 2.4 Adakah Bersekedudukan Merupakan Satu Jenayah Dan Penyelewengan Seks | 50 |
| BAB 3 : ANALISA KES BERSEKEDUDUKAN DI KELANTAN | |
| 3.1 Jumlah Kes Yang Dikaji | 59 |
| 3.2 Masa Kejadian Jenayah Bersekedudukan | 64 |
| 3.3 Tempat Kejadian | 65 |
| 3.4 Usur Pesalah | 68 |
| 3.5 Pekerjaan Pesalah | 70 |
| 3.6 Taraf Perkahwinan Pesalah | 73 |
| BAB 4 : HUKUMAN DAN POLA HUKUMAN KE ATAS KESALAHAN BERSEKEDUDUKAN | |
| 4.1 Hukuman | 79 |
| 4.2 Pola-Pola Hukuman | 82 |
| 4.2.1 Hukuman Denda <u>dan</u> Penjara | 83 |
| 4.2.2 Hukuman Penjara | 84 |
| 4.2.3 Hukuman Denda <u>atau</u> Penjara | 85 |
| 4.2.4 Hukuman Berkelakuan Baik | 87 |

| | <u>Halaman</u> |
|--|----------------|
| 4.3 Sebab-Sebab Perbezaan Hukuman | 89 |
| 4.3.1 Faktor-Faktor Yang Menyebab Hukuman Berat | 91 |
| 4.3.2 Faktor Yang Meringankan Hukuman | 95 |
| 4.4 Adakah Hukuman Nencerminkan Teori | 99 |
| 4.5 Kesan Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Hukuman | 103 |
| 4.5.1 Kesan Ke Atas Pesalah | 104 |
| 4.5.2 Kesan Ke Atas Masyarakat | 106 |
| 4.5.3 Kesan Ke Atas Institusi Wahkanah | 107 |
| BAB 5 : CADANGAN MEMBAIKI HUKUMAN DAN MENGAJASI MASALAH BERSEKEDUDUKAN | 110 |
| KESIMPULAN | 121 |
| RUJUKAN | 128 |

SIMPATI JAMAL

Halaman

| | |
|---|----|
| 1 : Jadual 1 : Bilangan kes yang didakwa dan kes yang dikaji | 60 |
| 2 : Jumlah orang bukan telan | 62 |
| 3 : Rasa kesalahan dilakukan | 64 |
| 4 : Tepat berlaku jenayah bersekutukan | 66 |
| 5 : Lingkungan umur pesalah | 68 |
| 6 : Taraf pekerjaan pesalah | 72 |
| 7 : Taraf perkahwinan pesalah | 74 |
| 8 : Jadual menunjukkan pesalah yang tolah bersama dan yang tolus bersama semasa sedang bersekutukan atau sebelunya | 77 |

PENDAHULUAN

a. APA YANG HENDAK DIKAJI

Bersekedudukan atau mencuba melakukan persetubuhan haram merupakan salah satu gejala penyakit masyarakat yang sangat ditegah oleh Agama Islam sebagai satu perbuatan yang menghampiri kepada zina dan malahan sebagai perbuatan zina. Bersekedudukan dikatakan menghampiri kepada zina kerana perbuatan tinggal berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim merupakan satu langkah awal yang boleh menimbulkan keinginan seks dan kemungkinan akan menyeret orang yang berkenaan untuk melakukan zina. Walaupun terdapat pesalah yang bersekedudukan belum melakukan zina tetapi mungkin mereka ada melakukan perbuatan sumbang yang dikeji. Sebaliknya pula jika keinginan seks tidak terkawal lagi maka menyusul pula langkah seterusnya iaitu zina. Bila terjadinya perbuatan zina maka bersekedudukan bukan lagi satu perbuatan yang menghampiri zina tetapi merupakan satu perbuatan zina.

Malaysia yang menjadikan Agama Islam sebagai agama rasmi telah menguntukkan kepada Mahkamah Syariah untuk mengadili dan menghukum setiap orang Islam yang didapati bersalah melakukan bersekedudukan, Negeri Kelantan telah memisahkan kedua-dua jenayah bersekedudukan dan berkhawlwat sebagai dua perbuatan yang berbeza. Namun masyarakat umum lebih kerap mendengar dan lebih mengetahui perbuatan berkhawlwat dari pada perbuatan bersekedudukan. Malah setengah orang mengatakan kedua-dua perbuatan tersebut adalah satu perbuatan yang sama. Oleh sebab itu

penulis telah mengambil kesempatan untuk menghilangkan kekeliruan itu dengan menjelaskan makna perbuatan bersekedudukan dan kelakuan-kelakuan yang boleh dianggap sebagai perbuatan bersekedudukan. Supaya dengan penjelasan ini masyarakat akan dapat mengetahui apakah perbuatan bersekedudukan yang sebenarnya dan dapat pula membezakan dengan perbuatan atau jenayah khalwat.

Tulisan ini juga akan menghuraikan bentuk-bentuk dan kadar hukuman khusus ke atas kesalahan bersekedudukan. Apakah faktor dan kriteria yang digunakan oleh seseorang Kadi sehingga menyebabkan seseorang pesalah menerima hukuman dalam bentuk dan kadar yang tertentu yang mungkin berbeza dan mungkin pula bersaraan dengan pesalah yang lain. Oleh itu tulisan ini juga akan menjelaskan apakah faktor-faktor yang telah membentuk pola-pola hukuman tersebut.

Selain daripada itu akan disentuh kesan-kesan dari perlaksanaan undang-undang dan hukuman ke atas pesalah, masyarakat dan ke atas institusi mahkamah sendiri. Semoga dengan itu dapatlah kepada sesiapa saja untuk menilai sama ada berjaya atau tidaknya undang-undang dan hukuman tersebut untuk sekurang-kurangnya mengurangkan kejadian bersekedudukan. Akhir sekali tidak ketinggalan juga diberikan beberapa saranan sebagai pertimbangan untuk membaiki hukuman dan mengatasi bersekedudukan.

b. TEMPAT KAJIAN

Untuk mengkaji Jenayah bersekedudukan dan bentuk-bentuk hukumannya yang berkuatkuasa sekarang, penulis telah mengkhususkan ke atas apa yang berlaku di Negeri Kelantan. Jenayah ini dianggap satu kes yang serius yang mana Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar saja yang bertindak sebagai hakim untuk mengadili dan menghukum setiap pesalah. Oleh sebab itu tumpuan kajian penulis ialah di Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Syariah Kota Bharu saja sebab di sinilah semua urusan Jenayah bersekedudukan dibawa dari daerah-daerah di seluruh Negeri Kelantan untuk pendakwaan, pengadilan dan penghukuman.

c. TAHUN KAJIAN

Penulis telah menilih untuk mengkaji Jenayah ini dan hukumannya bermula dari tahun 1977 hingga 1980 iaitu selama empat tahun.

d. KAEDAH KAJIAN

Pertamanya, penulis berusaha mendapatkan semua fail-fail kes dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan bersekedudukan yang masih tersimpan di Mahkamah Syariah Kota Bharu dan mencatatkan segala data dan fakta yang diperlukan. Dengan kata lain kajian ke atas bahan-bahan bertulis yang sedia ada.

Keduanya, penulis mengadakan tembusual dengan Kadi-kadi yang bertugas dalam kes tersebut seperti Kadi Besar dan timbalannya. Di samping itu tembusual juga dilakukan dengan imam-imam dan guru sekolah pondok untuk mendapat maklumat tertentu. Tembusual dengan mereka ini

penting untuk mengetahui dengan jelas perkara-perkara yang berhubung dengan bersekedudukan dan hukumannya sebab pengertian yang jelas tidak akan dapat diperolehi dari bahan-bahan bertulis saja. Temubual dengan pesalah-pesalah yang telah selesai menghadapi perbicaraan pada masa penulis membuat kajian juga dilakukan untuk mendapatkan fakta-fakta tertentu yang tidak diperolehi semasa penulis mengikuti perbicaraan ke atas mereka.

Akhirnya penulis juga berusaha mengikuti perbicaraan untuk mengetahui proses pengadilan dan pertimbangan-pertimbangan yang dibuat oleh seseorang Kadi sebelum menjatuhkan hukuman. Usaha menemubual pesalah dan mengikuti perbicaraan dilakukan oleh penulis sekadar untuk dijadikan contoh di samping untuk menambahkan lagi bahan-bahan yang diperlukan.

e. MASALAH KAJIAN

Satu masalah besar bagi penulis dalam mengkaji fail-fail kesialah masalah untuk membaca tulisan Jawi iaitu tulisan tangan yang sangat tidak jelas hurufnya. Tulisan seperti ini menjadikan satu kesulitan kepada penulis untuk membaca dan mengambil keterangan yang dikehendaki oleh penulis seperti latarbelakang pesalah, bentuk-bentuk hukumannya dan lain-lain fakta.

Kesulitan yang lain ialah susahnya mendapatkan maklumat tambahan daripada pesalah yang selesai menghadapi perbicaraan pada masa penulis membuat kajian. Kesulitan ini timbul disebabkan mereka merasa

malu dan takut. Mereka malu untuk menjawab pertanyaan penulis kerana dengan memberi jawapan bermakna mereka membocorkan rahsia perbuatan mereka. Tambahan lagi perasaan takut masih menyelubungi mereka akibat dari hukuman yang dijatuhkan oleh Kadi. Tambah menalukan lagi bagi keluarga kepada pesalah kerana mereka tidak menyangka ada di antara ahli keluarganya yang sanggup melakukan perbuatan keji dan jika diketahui oleh masyarakat akan menjatuhkan maruah seluruh keluarga mereka. Oleh sebab itu penulis yang cuba menentual pesalah dan keluarganya, sering tidak mendapat jawaban yang memuaskan kerana mereka mempunyai prasangka yang penulis mungkin seorang pemberita akhbar. Jadi mungkin perbuatan mereka akan didedahkan kepada umum jika mereka nenceritakan kepada penulis. Terdapat dua kes di mana keluarga pesalah secara terus terang bertanyakan kepada penulis sama ada penulis seorang pemberita atau tidak kerana mereka takut berita keluarga mereka yang bersalah akan disiarkan di akhbar.

Akhirnya masalah tidak cukup bahan untuk dikaji oleh penulis. Terdapat dua jenis bahan yang tidak mencukupi. Pertamanya, banyak kes yang dikaji kekurangan data berhubung dengan pribadi pesalah dan fakt-fakta kesalahan. Ini disebabkan banyak kes yang tidak merekodkan setengah-setengah daripada perkara tersebut. Keduanya, kekurangan fail-fail kes sepanjang tahun yang dikaji di mana banyak daripada fail-fail tersebut telah hilang dan bercampur aduk dengan fail-fail lain di tahun

sebelumnya. Keadaan ini menimbulkan kerumitan kepada penulis dan pekerja atau kerani mahkamah untuk mencari serta menakan masa yang panjang untuk menjumpainya. Memandangkan masa yang terhad maka penulis berusaha mendapatkan fail-fail yang masih tersimpan dan boleh didapati saja.

BAB 1

PENGERTIAN JENAYAH DAN TEORI PENGHUKUMAN

1.1 PENGERTIAN JENAYAH

Perkataan jenayah berasal dari bahasa Arab iaitu 'jinayatan' yang dari segi bahasanya bererti pelanggaran batas atau melanggar batas-batas yang busuk. Dari segi istilah jenayah ialah suatu nama yang digunakan untuk perbuatan yang haram dari segi syarak sama ada terhadap tubuh badan, harta benda atau agama. Apa yang dinaksudkan dengan perbuatan jenayah ialah meninggalkan perbuatan yang diperintah dan melakukan perbuatan yang ditegah. Dengan itu iaanya dapat dibahagikan kepada dua iaitu pertamanya melakukan perbuatan yang haram dari segi syarak seperti murtad, berzina, mencuri, merompak, membunuh, menipu, mengkhianat dan lain-lain yang boleh dihukum dengan hukuman had (hudud), qisas dan takzir. Keduanya meninggalkan apa yang diperintah oleh syarak secara wajib atau fardhu seperti meninggalkan senbahyang, tidak berpuasa, tidak mengeluarkan zakat dan lain-lain suruhan wajib.

Definisi jenayah moden pula adalah sesuatu yang amat sukar.

Memurut Kenny,

"The truth appears to be that no satisfactory definition has yet been achieved, and that it is indeed, not possible to discover a legal definition of crime which can be of value for

English Law. The reason for this are to be found in the history of our Common Law".¹

Satu sifat penting Jenayah moden ialah unsur kemudaratan yang besar yang boleh memudaratkan masyarakat umum. Ianya melibatkan pula pihak yang berkuasa seperti kerajaan untuk mendakwa pelaku jenayah mengikut undang-undang. Jika sesuatu kesalahan menimbulkan kemudaratan yang kecil antara sesama individu yang terlibat dan penyelesaiannya tidak melibatkan pihak kerajaan tetapi hanya antara pihak yang terlibat saja maka ianya tidak dianggap kesalahan jenayah tetapi dikatakan kesalahan tort.

Di sinilah sukarinya untuk mendefinisikan jenayah sebab hubungannya yang hampir sama dengan tort. Darti satu segi sesuatu kesalahan boleh dikatakan jenayah dan sebaliknya kesalahan jenayah itu boleh menjadi kesalahan tort pula. Untuk membezanya terpakalah diteliti perkara yang disebutkan tadi iaitu segi kemudaratan, penyelesaian dan pihak yang terlibat.

Bagaimanapun Kenny cuba mendefinisikan jenayah sebagai:-

- (a) Suatu bencana yang disebabkan oleh tingkah laku manusia di mana pihak berkuasa sesebuah negara ingin mencegahnya.
- (b) Antara cara-cara pencegahan yang dipilih ialah pengenaan hukuman.

¹Turney, J.W. Cecil., Kenny, Courtney Stanhope, Outlines Of Criminal Law, (19th Edition, Cambridge University Press), 1966, hal. I.

(c) Acara perundangan dalam bentuk yang khas diguna untuk menentukan sama ada orang dituduh sebenarnya menyebabkan bencana tersebut dan dari segi undang-undang boleh dijatuhkan hukuman kesemua perbuatan tersebut.²

Jadi ianya merangkumi tiga aspek iaitu:-

Pertaranya mesti terdapat suatu perbuatan yang melahirkan kerosakan.

Keduanya mesti terdapat alat untuk mencegah perbuatan itu iaitu hukuman.

Ketiganya mesti terdapat satu acara yang khas untuk memutuskan seseorang itu bersalah atau berhak dihukum mengikut undang-undang. Di sini memerlukan acara yang khas dalam perbicaraan sama ada dari segi keterangan, pembuktian, pembelaan dan sebagainya.³

²Hiqam, R.C., Law Of Crimes In India. Vol. I., Bombay; Asia Publishing House, (copyright), hal. 34.

³Untuk keterangan lanjut lihat artikel "The Aims Of The Criminal Law" (1958), "23 Law and Comtemporary Problems", 405, iaitu satu nota berbentuk menografi yang telah dicetak semula oleh Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, 1973, untuk penuntut-penuntut fakulti tersebut.

Dariuraian tadi ternyata bahawa dalam kesalahan Jenayah terdapat dua bentuk:-

- (a) Melakukan sesuatu yang ditegah oleh undang-undang yang dikenali perbuatan Jenayah yang dapat disanakan dengan konsep yang terdapat dalam Islam iaitu, 'melakukan sesuatu yang haram' dan
- (b) Meninggalkan sesuatu yang diperintah oleh undang-undang yang boleh dipadankan dengan konsep undang-undang Jenayah Islam sebagai meninggalkan sesuatu yang wajib.

Soal kemudaratian dalam Jenayah moden adalah kemudaratian yang ingin dicegah dan perbuatan itu juga boleh menimbulkan kutukan sosial. Dengan wujudnya kutukan sosial maka perbuatan Jenayah yang memudaratkan mesti dicegah seperti melalui penyiksaan. Kutukan sosial juga dianggap sebagai asas keadilan kepada perlaksanaan siksaan. Jadi salah satu kriteria Jenayah moden ialah adanya unsur kemudaratian dari sesuatu perbuatan yang menimbulkan kutukan sosial dan dengan itu masyarakat ingin mencegah perbuatan tersebut atau memberi balasan ataupun membaiki tingkah laku penjenayah ke arah yang lebih baik. Dengan itu dikenakan hukuman sebagai pembalasan (retributive) atau pemulihan sama ada terhadap pesalah, mangsa atau masyarakat. Ketiga-tiga matlamat ini adalah matlamat-matlamat asasi dalam penguatkuasaan siksaan undang-undang Jenayah moden.⁴

⁴Holmes. Oliver Wendell Holmes., The Common Law, edited by Mark De Wolfe Howe, (McMillan, London, 1960), hal. 36.

Satu lagi aspek dalam Jenayah moden selain daripada kemudaratian yang menimbulkan kutukan sosial ialah aspek moral iaitu pandangan moral tentang apa yang dikatakan baik dan apa yang dikatakan buruk. Misalnya bertelanjang dikelayak ramai adalah bertentangan dengan moral. Biasanya dalam penentuan secara moral, ugama, nilai, kebudayaan, kepercayaan dan adat dianggap sebagai neraca moral. Tetapi aliran pemikiran sekarang tidak lagi berminat untuk menjadikan moral sebagai neraca pertimbangan. Bagaimanapun ada juga seorang tokoh di Barat,⁵ yang menganggap moral dan Jenayah saling merangkumi dalam ertikata moral tidak akan dapat menerima kejahatan. Dengan tidak adanya unsur-unsur penentu yang tetap ini menjadikan susah untuk mendefinisikan Jenayah dengan tepat. Ditambah pula dengan penentuan kesalahan Jenayah banyak bergantung kepada dasar Jenayah yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang menggubal undang-undang Jenayah.

Russell menegaskan "..... to define crime is a task which so far has not been satisfactorily accomplished by any writer."

In fact criminal offences are basically the creation of the criminal policy adopted from time to time by those sections of the community who are powerful enough to safeguard

⁵Hart, H.L.A., Law, Liability and Morality, (London; Oxford University Press, 1962), hal. 2.

their own security and comfort by causing the sovereign power in the state of represss conduct which they feel may endanger their position".⁶

Dalam Islam unsur-unsur kemudaratan, moral dan keaiban sebagai penentu adalah tidak tepat sebab ada yang lebih penting lagi iaitu sebab-sebab ketuhanan yang mana kedudukan jenayah telah ditentukan oleh Allah s.w.t. sebelum kejadian manusia lagi. Sebab itulah pada setengah perbuatan seperti meninggalkan sembahyang, enggan mengeluarkan zakat dianggap jenayah sebab terdapat unsur maksiat di sisi Allah. Jadi unsur-unsur kemudaratan tidak begitu tepat dalam Islam untuk mengukur jenayah. Satu unsur yang jelas dalam jenayah Islam ialah unsur maksiat. Allah s.w.t. borfirman,

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan manusia yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada makruf dan menegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang berjaya".⁷

⁶Turner, J.W. Cecil., Russel on Crime, Vol. I. (11th Ed., London; Stevens. 1958), hal. 18

⁷Al-Quran, iii (Ali Imran); 104.

Dengan ini segala perbuatan Jenayah seperti mencuri, berzina, berompak dan lain Jenayah adalah maksiat yang patut diberi ganjaran setimpal di dunia lagi seperti hukum hudud, qisas dan takzir. Walaupun unsur kemudaratan tidak tepat namun ianya mustahak juga. Cuma yang lebih penting ialah sebab-sebabnya telah ditentukan oleh Allah. Allah menegahnya, disebabkan adanya unsur-unsur mudarat dan tidak bermoral tadi. Misalnya tegahan terhadap arak dan judi Allah telah berfirman dengan maksud:

"Mereka bertanya kepada mu tentang arak dan judi, katakan kepadanya bahawa kedua-dua tadi terdapat kemudaratan dan manfaat tetapi kemudaratan lebih besar daripada manfaat seperti pergaduhan, kebencian dan sebagainya".⁸

Begitu juga Allah s.w.t. telah mengharangkan zina kerana perbuatan itu adalah maksiat di sisi Allah dan menyalahi peraturan adat dan tatasusila hidup rukun dan damai. Larangan Allah terhadap zina dapat diperhatikan dari firmanya yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina adalah perbuatan keji dan satu jalan yang buruk".

⁸Al-Quran, ii (Al-Baqarah); 219.

Allah berfirman lagi;

"Dan mereka yang tiada menyeru Tuhan yang lain di samping Allah, dan tidak membunuh jiwa yang dilarang Tuhan membunuhnya melainkan dengan hak dan mereka tiada melakukan zina. Maka sesiapa yang melakukan semua itu akan mendapat hukuman. Akan diperlipat-gandakan siksaan ke atasnya di Hari Kiamat dan mereka tinggal tetap di dalamnya dalam keadaan terhina. Melainkan orang yang telah bertaubat saja mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik, maka kejahatan orang-orang itu diganti oleh Tuhan dengan kebaikan. Dan Tuhan itu Maha Pengasihi dan Maha Penyayang".⁹

Ayat ini mengingatkan manusia betapa beratnya dosa zina sehingga Allah telah menyatakan dosa berbuat zina itu dengan dosa orang yang syirik terhadapnya dan dosa membunuh orang tanpa hak. Ini menunjukkan bahawa zina itu termasuk perkara yang besar dalam pandangan Allah dan mestilah dijauhi oleh manusia.

Banyak keburukan dan kemudaratannya yang timbul akibat dari perbuatan zina di mana bencananya bukan saja akan diterima oleh orang yang berzina semasa di akhirat tetapi juga di waktu mereka hidup. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

⁹Al-Quran, (Al-Furqan); 68 - 70

"Wahai manusia sekalian! Peliharalah diri mu dari zina, kerana pada zina itu ada enam bencana, tiga daripadanya (anda akan menerimanya kontan) di dunia dan tiga lagi di akhirat.

Tiga bencana yang akan diterima di dunia, iaitu: menumpulkan kecerdasan otak, menyebabkan papa dan memendekkan umur. Dan tiga dari bencananya di akhirat iaitu: kemurkaan Allah Taala, keputusen buruk dalam perhisaban dan siksaan api neraka".

Peringatan dan larangan oleh Allah dan Rasulnya tidak lain dari untuk menyedarkan manusia supaya menjauhi perbuatan zina kerana ia yang satu perbuatan yang keji dan buruk yang banyak menimbulkan kemudaratian sama ada ke atas penzina, keluarganya ataupun masyarakat. Enam keburukan dan akibat yang disabdarkan oleh Rasulullah tadi merupakan bencana yang akan diterima oleh pesalah sendiri yang merupakan balasan Tuhan terhadapnya.

Banyak kemudaratian yang boleh disebabkan oleh zina. Kita dapat membayangkan apa akan terjadi jika perhubungan seks antara lelaki dan perempuan tidak dibendung. Dunia akan penuh dengan pertelingkahan dan permusuhan antara satu sama lain. Semua manusia akan menjadi ganas dan tak akan kenal pertanggungjawab sama sekali. Kaum wanita akan menjadi buruan lelaki dan tempat melepas hawa nafsu. Masyarakat akan menjadi kucar-kacir. Peraturan hidup damai dan tenteran akan terhapus dari pemikiran manusia. Bukti sejarah tentang kaum Arab Jahiliah

Jelas menunjukkan keburukan yang timbul akibat dari zina. Akibat dari tidak sanggup menanggung malu dan takut menjatuhkan kehormatan diri kerana perbuatan anak perempuan mereka yang berzina maka mereka sanggup bertindak di luar peri kemanusiaan dengan membunuh dan menanam hidup-hidup anak perempuan mereka yang baru lahir.¹⁰

Di zaman moden ini tidak jauh bezanya perbuatan manusia dengan apa yang berlaku di zaman Jahiliah. Kita kerap mendengar atau membaca di akbar-akbar tentang anak-anak yang baru lahir ditinggalkan oleh ibunya di tepi-tepi jalan, dalam senak, ditangga rumah orang dan di lain-lain tempat kerana tidak sanggup memeliharanya. Kemungkinan besar anak-anak tersebut adalah hasil dari perbuatan zina kerana tidak akan ada ibu yang sanggup membuang anaknya yang mempunyai bapa yang sah.

1.2 TEORI PENGHUKUMAN

Oleh sebab Jenayah adalah gejala perlakuan sosial yang menimbulkan kebencian dan kutukan masyarakat pada umurnya maka hukuman adalah satu daripada cara-cara pengubatannya. Menandangkan hal ini, ahli-ahli teori telah mengerukakan tiga teori asas untuk menbenarkan penggunaan hukuman.¹¹

¹⁰Syed Ahmad Semait., Kuliah Subuh 2 : pada membicarakan 40 hadis, Singapura: Pustaka National, 1979, hal. 7.

¹¹Newman, Graeme., The Punishment Response, New York; J.B. Lippincott, (copyright), 1977, hal. 189.

Bagi ahli-ahli teori di Barat penbenaran menghukum ialah sebagai pembalasan (retribution), pertahanan sosial (Social defence), dan utilitarian. Begitu juga seperti mana yang terdapat dalam ajaran Islam, ketiga-tiga tujuan di atas terangkum di dalamnya.

1.2.1 PRINSIP PENGHUKUMAN PEMBALASAN (RETRIBUTION)

Prinsip ini diasaskan atas tanggapan bahawa setiap kesalahan yang dilakukan oleh manusia mesti menerima balasan setimpal yang mungkin dulunya berbentuk balas dendam ataupun cara pembalasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Dalam agama Islam, hukuman balas yang setimpal dikenali dengan hukuman qisas.

Qisas ialah pengenaan siksaan atau hukuman ke atas pesalah sama dengan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman qisas iaitu membunuh dan mencederakan orang lain yang tidak berdosa dan tanpa hak secara sengaja. Bagi si pembunuh jika sabit kesalahannya, mereka harus pula dibunuh. Begitu juga jika seseorang mencederakan orang lain tanpa hak dengan sengaja di mana-mana anggota tubuh badan maka mereka hendaklah dihukum dengan kesiksaan yang sama seperti yang telah dilakukan oleh penjenayah berkenaan. Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud:

"Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Al-Taurat) bahwasanya jiwa dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, luka dengan luka ada qisasnya".¹²

¹² Al-Qur'an, (Al Maidah): 45.

Pembalasan ini merupakan hukuman yang setimpal mengikut agaran Islam. Dan dalam Agama Judeo-Christian misalnya 'lex talionis, the "eye-for-an-eye". Tetapi Islam lebih jauh daripada itu yang mana hukuman bukan saja untuk pembalasan tetapi juga untuk melepaskan azab siksa di Hari Akhirat.

Telah timbul beberapa pendapat bahawa bentuk penghukuman utilitarian lebih bersifat kemanusiaan (humanitarian) berbanding dengan bentuk penghukuman pembalasan yang dianggap lapuk dan berkuku besi. Pendapat sedenikian menunjukkan betapa lemahnya bentuk penghukuman pembalasan. Jika pendapat sedenikian ditujukan juga kepada bentuk hukuman qisas maka ianya tidak benar sama sekali seperti kata Sheikh Abdul Majid, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah yang diwawancara oleh Noor Azam dalam Dewan Nasyarakat, Julai, 1978. Katanya, di dalam Islam perlaksanaan hukuman bukanlah hanya akan menerima hukuman setelah ada saksi-saksi yang lengkap dan bukti yang sah. Pendeknya kekejaman bukanlah sifat Islam. Jelasnya seseorang hanya akan dihukum setelah terbukti ianya benar-benar bersalah dan di sebalik hukuman pula ada hikmat-hikmat yang tertentu sama ada untuk kebaikan pesalah atau masyarakat.

a. PENGHUKUMAN: "THE CATEGORICAL IMPERATIVE"

Satu persoalan dihadapkan kepada ahli penghukuman pembalasan ialah apakah sebabnya satu-satu kesalahan itu mestilah dihukum. Seseorang

mungkin terdorong untuk menjawab bahawa ianya untuk menguatkan susunan moral (moral order). Jawatan ini merupakan sesuatu yang berbentuk utilitarian (perkara baik).

Bagaimanapun biasanya orang akan mengatakan sesuatu kesalahan mesti dihukum kerana ianya merupakan satu perbuatan salah. Jika demikian pula jawabannya, maka ianya tidak lagi berbentuk utilitarian. Jawaban ini dirujukkan kepada satu kenyataan Kant bahawa "setiap perlakuan salah mesti dihukum" yang merupakan satu 'categorical imperative'. Kenyataan Kant ini bukan hanya satu tanggapan bahkan ianya adalah satu fakta. Tidak pernah adapun dalam sejarah di mana satu perlakuan yang salah diberi hadiah. Kenyataan itu juga dapat dilihat sebagai satu undang-undang sosial yang merupakan satu norma timbal balik yang dilihat oleh ahli-ahli Antropologi dan Sosiologi sebagai satu sifat penting dalam kehidupan ekonomi dan sosial.

Apabila negara sebagai 'third party' mencampuri urusan perlaksanaan hukuman untuk memenuhi tujuan utilitarian maka penghukuman timbal balik tidak lagi mendapat tempat. Perlaksanaan hukuman secara timbal balik dikatakan lebih dekat kepada 'explication' undang-undang sosial daripada sebagai kepentingan moral. Jadi ahli-ahli penghukuman balas mengembalikan keseimbangan daripada keadaan tidak seimbang akibat gangguan perbuatan salah yang mungkin dilakukan secara tidak sedar kecuali dengan adanya ajaran-ajaran moral dan agama.

b. PERANAN NEGARA DAN INDIVIDU

Mengikut setengah pendapat, golongan pemerintah atau ketua negara mempunyai hak dalam menghukum rakyatnya yang bersalah supaya penjenayah terhapus di kalangan manusia. Jadi negara menjadi wakil kepada rakyat dan dengan melaksanakan hukuman bermakna negara membayar hutang kepada rakyat serta penjenayah pula akan membayar hutangnya kepada rakyat setelah menjalani hukuman.

Satu prinsip pembalasan ialah mengakui kerasionalan individu dengan menghukumnya. Jika mereka inginkan setiap pesalah dihukum maka mereka juga terpaksa menerima hukuman jika melakukan kesalahan. Individu-individu yang biasanya orang dewasa dihukum bukan untuk membaiki dirinya atau untuk menunjukkan tauladan kepada orang lain tetapi kerana 'framework' kesalahan itu sendiri. Sebab jika tidak adanya penghukuman maka pelencongan akan semakin berkembang. Satu lagi berkenaan dengan peranan individu ialah tiap-tiap individu dikatakan bertanggungjawab terhadap perlakuannya dan jika tiap-tiap individu faham akan hal ini maka ia mesti menanggung akibat di atas perlakuannya.¹³ Walaupun begitu setiap pesalah yang dihukum harus tidak dipandang hanya atas kesalahannya saja tapi juga atas sebab-sebab yang mendorongnya melakukan kesalahan, keadaan mentalnya serta tujuan untuk melakukan kejahatan.

¹³Hall, J., General Principles of Criminal Law, Ed. 2, New York: Bobbs Merrill, 1947.

c. HUKUMAN SEBAGAI SATU TINDAK BALAS

Ahli-ahli penghukuman balas mengatakan hukuman tidak akan adil jika tidak terbukti bahawa pesalah benar-benar bersalah ataupun penge- naah hukuman ke atas pesalah disebabkan oleh jangkaan yang mereka akan melakukan kesalahan lagi. Di sini hak individu adalah penting. Begitu- pun jika telah tertentu kesalahannya atas setiap orang maka orang itu- lah saja yang patut dihukum tanpa melibatkan orang lain kerana kesalahan mereka adalah sama pentingnya dengan keperluan untuk meng- hukumnya. Oleh sebab itu penggunaan penyiksaan bagi ahli-ahli pem- balasan boleh dipergunakan jika penyiksaan itu menyerupai dengan kesalahan yang dilakukan.

Prinsip pembalasan kadang-kadang dikecam sebab boleh membawa ketidakadilan. Ketidakadilan wujud disebabkan setiap kesalahan dan kekerasan berkait rapat dengan kedudukan kelas sosial manusia walaupun teori mereka mendakwa bahawa hukuman setimpal dengan kesalahan tetapi dari segi praktikalnya jauh berbeza. Ini disebabkan dengan berbezanya kelas maka berbeza juga hukumannya. Umumnya di negara Barat, melalui sejarah ekonomi, politik dan sosial, undang jenayah dicipta untuk men- bezakan jenis-jenis kesalahan seperti jenayah kekerasan dan pemerasan yang selalu dilakukan oleh golongan yang rendah tarafnya dan mereka yang kurang berasib baik.

Jika hukuman didasarkan kepada jenis-jenis jenayah yang ter- tentu seperti jenayah politik, sosial dan ekonomi maka golongan yang kurang berasib baik dalam bidang tersebut yang lebih kerap menerima

hukuman daripada golongan atau kelas sosial yang lain yang menguasai bidang tersebut tetapi bebas pula melakukan jenayah lain. Jenayah ekonomi, sosial dan politik banyak berlaku dan selalu dilakukan oleh setengah golongan kerana mereka ingin merperolehi hak dan keistimewaan seperti yang dinikmati oleh golongan lain.

Di sinilah timbulnya ketidakadilan. Oleh itu untuk menghindarkan penderitaan yang diakibatkan oleh ketidakadilan maka faktor belas kasihan boleh dipertimbangkan oleh seseorang hakim tetapi jangan sampai melibatkan tidak berkesannya pengadilan.

1.2.2 PRINSIP PERTAHANAN SOSIAL (SOCIAL DEFENCE)

Prinsip ini membahaskan bahawa jika sesuatu masyarakat hendak hidup kekal ianya mestilah mempertahankan dirinya sendiri dengan jalan mencegah kejadian jenayah dan merawat orang-orang yang melakukan jenayah.¹⁴ Prinsip ini mempunyai pengertian sendiri yang unik.

Prinsip kawalan sosial kebanyakannya berkisar kepada pendapat tokoh terkenal yang mengembangkan prinsip ini iaitu Enrico Ferri yang terpengaruh dengan idea-idea mazhab pemikiran "Pergerakan Positive" dan "Marxist" di mana kedua-dua mazhab ini telah membincangkan tentang jenayah, sosiologi dan menganalisa masalah masyarakat.

¹⁴Ancel, M., Social Defence : A Modern Approach To Criminal Problems, (New York : Schocken), 1965. hal. 9 - 26.

Oleh sebab terpengaruh dengan 'Marxism' beliau telah mengembangkan penganalisaan 'Marxist' terhadap masyarakat dan pada masa itu perkembangan jenayah sangat berleluasa. Beliau telah mengeluarkan pendapat bahawa 'penal punishment' sebagai melampaui batas dalam menghapuskan jenayah. Sebagai gantinya beliau telah mencadangkan 'penal substitute' (hukuman ganti) untuk menghapuskan jenayah seperti dalam bidang sosial, politik dan ekonomi dengan mengadakan pembaharuan sebab dengan pembaharuan sosial boleh mempertahankan perkembangan jenayah.

Bagi Ferri, tidak berguna menghukum penjenayah yang tidak dapat berubah dan belajar dari penghukuman yang mana walaupun mereka dihukum, mereka akan tetap kembali melakukannya. Oleh itu beliau mencadangkan dalam hubungan hukuman mestilah terdapat tiga kumpulan masyarakat. Pertamanya, masyarakat yang tidak melakukan jenayah disebabkan adanya pendidikan moral dan agama. Dengan itu tidak perlulah hukuman untuk mereka. Kedua, masyarakat yang mempunyai moral yang rendah dan golongan primitif. Oleh itu pengenaan hukuman untuk melawan jenayah dikatakan tidak berguna. Ketiganya masyarakat di antara dua golongan di atas yang kadang-kadang melakukan jenayah dan kadang-kadang tidak. Di sini hukuman dikatakan lebih berkesan.

Berkenaan dengan hukuman mati ke atas pesalah Ferri menganggapnya tidak praktik dan disinilah berbezanya prinsip pertahanan sosial dan lain-lain prinsip dari segi kebenaran sosial dan tujuan untuk mempertahankan masyarakat sebab ianya boleh dikurangkan dengan pembaharuan sosial bukannya hukuman mati.

Itulah antara definisi tahun-tahun 1920 an tentang prinsip pertahanan sosial dan selepas tahun ini didapati dua bentuk asas dalam teori pertahanan sosial iaitu pembasmian Jenayah dan pemulihan serta rawatan ke atas pesalah. Bagaimanapun bentuk yang masih lagi dikatakan oleh Ferri sebagai 'secondary'.

Ahli-ahli teori pertahanan sosial mengakui kemudiannya walau-pun pembaharuan sosial masih lagi tidak dapat membendung Jenayah tetapi dikatakan masyarakat mempunyai hak dalam mempertahankan masyarakat dan mewakili hak individu sebab individu adalah masyarakat. Oleh sebab itu masyarakat dibolehkan menghukum individu disebabkan dengan itu bermakna masyarakat akan mempertahankan dirinya (masyarakat) dan individu dari Jenayah.

Ferri berpendapat hukuman adalah negatif yang mana pentingnya sementara saja iaitu untuk mengurangkan Jenayah yang merbahaya. Begitu juga dengan rawatan pesalah hanya untuk menjaga masyarakat dari unsur-unsur Jenayah. Cara yang baik bagi Ferri ialah mengenakan hukuman ke atas pesalah dan bukannya berdasarkan kesalahan itu sendiri seperti mana yang dilakukan oleh ahli-ahli penghukuman balas (*retributive*) yang mengenakan hukuman ke atas kesalahan bukannya pesalah. Tetapi pendapat ini tidak dapat diterima sebab hukuman juga kelihatan sebagai suatu yang positif yang boleh dijadikan sebagai rawatan.

a. PERANAN NEGARA DAN INDIVIDU

Negara memainkan peranan penting dalam pentadbiran hukuman Jenayah. Selain daripada kepentingannya untuk mengenali jenayah dan perbezaan antara tiap-tiap jenayah, negara juga harus berperanan sebagai pembayar gantirugi kepada mangsa jenayah. Gantirugi walaupun nerunitkan disebabkan oleh kemiskinan pesalah untuk membayar denda tetapi menjadi tugas negara untuk membayar gaji kepada pesalah yang dijadikan buruh penjara dan dari gaji itulah dapat dijadikan gantirugi kepada mangsa.

Gantirugi ini juga dikatakan sebagai penyesuaian hukuman cara pembalasan timbal balik sebab hukuman timbal balik dikatakan terlalu dahsyat. Dengan ini negara dapat memainkan peranan penting dalam mengawal hubungan sosial dan merupakan alat perantaraan di antara pesalah dengan mangsa.

Ferri juga mengatakan mazhab pertahanan sosial sebagai untuk merperseimbangkan antara masyarakat dan individu. Tetapi oleh sebab keadaan ini tidak tercapai sepenuhnya maka beberapa penyelesaian disyorkan oleh pengajur pertahanan sosial agar digantikan konsep tanggungjawab sosial kepada tanggungjawab undang-undang dengan andaian pesalah nonpunyai tanggungjawab terhadap jenayah sebab mereka yang melakukannya dan merekalah juga ahli kepada masyarakat.

Dalam mengekalkan kawalan masyarakat terhadap jenayah, diskriminasi ke atas orang-orang tertentu dalam masyarakat seharusnya dibuang. Apa yang seharusnya diasingkan dari masyarakat ialah mereka yang terdiri dari pesalah yang merbahaya. Tetapi walaupun mereka diasingkan, mereka harus juga dilayan dengan baik.

Prinsip pertahanan sosial bukan saja menghukum pesalah tetapi dengan hukuman itu juga boleh memberi kesan ke atas keluarga pesalah itu sendiri sekiranya pesalah tersebut melakukan kesalahan disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam ekonomi, perhubungan keluarga dan keturunan. Jadi ahli-ahli pertahanan sosial tidaklah membuang tanggungjawab moral seperti ekonomi, perhubungan keluarga dan lain-lain.

Akhirnya ahli-ahli pertahanan sosial masih memandang jenayah sebagai musuh yang merbahaya dan susah untuk menghukumnya secara berperikemanusiaan dan dengan itu juga susahnya untuk melaksanakan sistem ini misalnya dari segi perbelanjaan, kecualilah di kawasan yang kurang aktiviti jenayah maka iaanya akan lebih praktikal.

1.2.3 PRINSIP PENGHUKUMAN UTILITARIAN

Prinsip penghukuman utilitarian dipercayai satu prinsip yang tertua atau sekurang-kurangnya sama tua dengan prinsip pembalasan (retributive) tetapi terdapat sedikit keraguan yang mana ia biana dianggap panduan prinsip penghukuman dalam tamaddun Barat yang paling unggul.

Diperdayai teori penghukuman utilitarian bermula dengan pendapat Hobbes:

"Dalam penghukuman, manusia tidak perlu dipandang kepada kesalahan yang telah banyak dilakukan tetapi perlu kepada apa yang boleh membawa kepada kebaikan untuk diikuti, yang mana kita ditegah mengenakan hukuman dengan cara lain daripada kebenaran pesalah dan nasihat dari orang ramai".¹⁵

Banyak kekeliruan terhadap kenyataan itu. Keadaan ini berlaku kerana sangat kerap para ahli politik dan pentadbir menggunakan prinsip pembalasan untuk menyelesaikan 'utilitarian'. Dengan itu manusia cuba memikirkan tentang pembalasan sebagai suatu keburukan dan utilitarian pula sebagai kemanusiaan.

Tambahan asas prinsip penghukuman utilitarian mempercayai bahawa kesalahan yang lalu tidak dapat dibetulkan dengan penghukuman semasa. Ia menolak atau sekurang-kurangnya tidak mempedulikan undang-undang yang berfahaman pembalasan malah prinsip utilitarian menganggap atau yakin terhadap satu bentuk ketaatan. Tujuan penghukuman sekarang adalah untuk mempertahankan pesalah di masa hadapan dengan contoh dan tauladan kepada kedua-dua pihak iaitu pesalah dan kepada manusia keseluruhannya yang mungkin dianggap melakukan kesalahan supaya meremung akan kesalahan dan kejahatan.

¹⁵Phillipson, C., Three Criminal Law Reforms, (Montclair, N.J. : Patterson - Smith, 1970), hal. 59.

a. PENGHUKUMAN MENCIKUT CARA UTILITARIAN

Mengikut tafsiran utilitarian, penghukuman merupakan penyelesaian mengikut caranya yang tersendiri yang tidak dapat diadili secara hakiki memandangkan penghukuman itu sendiri adalah satu kekejaman. Dengan itu motif-motif lain atau alasan yang cukup untuk mengurangkan kekejaman dari penghukuman mestilah berlandaskan kepada keadilan. Oleh sebab itulah penghukuman yang terlampaui (*excessive*) dianggap tidak begitu perlu seperti apa yang terdapat pada hari ini.

Walaupun utilitarian tidak pernah mengenakan hukuman sebagai categorical 'imperative' tetapi terdapat sedikit keimbangan akan ujud sejenis 'imperative' iaitu 'a utilitarian imperative'. Tegasnya tanpa penghukuman daripada kuasa utama (pemerintah), ketaatan tidak akan dapat disetabilkan dan mungkin akan membawa kepada kekacauan.

Teori penghukuman utilitarian menganggap sedikit sebanyak penindasan secara primitif atau '*primitive oppression*' adalah perlu bagi kesetabilan undang-undang dan tanpanya, mengikut setengah pendapat akan membawa kepada '*the law of all against all*'. Dikatakan bahawa penghukuman pembalasan adalah dasar kepada undang-undang sosial atau '*social law*'. Berlainan pula dengan penghukuman utilitarian yang mana penghukuman baginya melibatkan peraturan sosial atau '*social order*' dan tanpa cara itu mungkin menimbulkan kekacauan. Jadi bagi utilitarian, mereka mementingkan unsur-unsur moral yang boleh ditimbulkan dari penghukuman. Sebaliknya ahli-ahli teori penghukuman balas menganggap

penghukuman adalah sebahagian daripada pembawaan dan bahan kebudayaan atau cara hidup. Jadi baik dan buruknya cara-cara itu akan menentukan baik atau buruknya masyarakat dan kebudayaan yang mengamal cara itu. Walau bagaimanapun bagi utilitarian, penghukuman secara 'social law' adalah suatu 'absolute evil'. Penentuan moraliti bergantung kepada asas-asas perbezaan antara 'social law' dan 'social order' tadi.

BAB 2

KHALWAT DAN BERSEKEDUDUKAN

2.1 PENGERTIAN KHALWAT SECARA RINGKAS

Bagi Negeri Kelantan Jenayah khalwat telah dipisahkan dengan Jenayah bersekedudukan. Oleh sebab terdapatnya pemisahan tersebut, elok terlebih dahulu dijelaskan pengertian Jenayah khalwat sebelum dijelaskan pengertian bersekedudukan supaya dapat dilihat perbezaan di antara keduanya.

Mengikut Kamus Dewan perbuatan khalwat boleh ditakrifkan dengan dua makna. Pertamanya khalwat ditakrifkan sebagai suatu perbuatan mengasingkan diri atau memenculkan diri kerana menenangkan fikiran, bertafakur atau melakukan ibadat. Keduanya ia ditakrifkan sebagai perihal mengasingkan diri secara berduaan dalam keadaan sumbang di tempat yang terpencil dan tersembunyi oleh seseorang lelaki dengan seseorang perempuan yang tidak berkahwin secara sah.

Pengertian yang pertama bersesuaian dengan pendapat seorang ulamak Melayu di abad ke 19 iaitu Ahmad Khatib bin Abdul Latif dalam tulisannya yang disiarkan dalam majalah pengasuh. Beliau berkata bahawa apa yang diraksudkan dengan perbuatan khalwat yang sebenarnya ialah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan menghabiskan banyak waktu dalam ibadat dan menahan diri dan segala anggota daripada perkara

perkara yang ditegahkan oleh syarak . Maka orang yang berkhawat itu diperlukan mengekalkan segala wirid.¹

Dari pengertian di atas dapatlah difahami bahawa berkhawat adalah suatu perbuatan yang baik. Perbuatan seperti inilah yang selalu dilakukan oleh para Suffiah atau ahli Tasauf dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dan beramal dengan seikhlasnya. Begitu juga perbuatan ini tidak pula bertentangan dengan adat dan undang-undang. Ini disebabkan perbuatan memencarkan diri dilakukan dengan maksud untuk mencapai tujuan yang baik dan tidak pula melanggar tujuan yang baik dan tidak pula melanggar adat dan peraturan sosial. Nabi Muhamad S.A.W. sendiri pernah berkhawat seorang diri di Gua Hira' untuk mencari ketenangan dan kebenaran. Ahli fikir dan cerdik pandai juga sering melakukan khawat kerana inginkan suatu keadaan yang baik dan aman tenteram untuk mereka meneras otak.

Apa yang sebenarnya difahami dan diketahui devasa ini oleh kebanyakan orang di negara kita adalah sangat bertentangan sekali dengan pengertian berkhawat yang sebenarnya. Rata-rata orang akan terus melupakan bahawa berkhawat sebagai satu ibadat kepada Allah s.w.t., sebaliknya ia telah difahami sebagai satu perbuatan yang

¹Lihat Ahmad Khatib bin Ab. Latif., "Bahaya-Bahaya Khalwat", ditulis semula oleh Ismail Azmi dalam Pengasuh, Kel., Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bil. 418, Sept. 1976, hal. 35.

sumbang dan keji serta dimurkai Allah, bukan diredainya. Walaupun kedua-dua perbuatan tadi dilakukan dalam keadaan yang sama iaitu di tempat yang sunyi tetapi kedua-duanya sangat berlawanan dari segi tujuannya. Bagi perbuatan yang pertama khalwat dilakukan dengan tujuan untuk menjauhkan diri dari gangguan umum sedangkan bagi perbuatan yang kedua ianya dilakukan oleh seseorang lelaki dan perempuan bukan muhrim dengan tujuan untuk mengelakkan perbuatan mereka dari diketahui oleh orang ramai dan seterusnya mungkin ditangkap.

Bagaimanapun wujudnya anggapan seperti ini disebabkan oleh undang-undang Mahkamah Syariah sendiri yang menetapkan perbuatan khalwat sebagai suatu perbuatan Jenayah yang dikeji. Oleh sebab itu banyak syor dan cadangan oleh orang perseorangan mahupun lain-lain pihak supaya diubah perbuatan khalwat dengan perkataan lain. Misalnya ada pihak yang mencadangkan supaya diganti dengan perkataan "bersunyi-sunyi" dan "asnara Jahil" supaya dengan penggantian ini tidak akan mengejarkan satu perkataan yang dianggap baik dan suci daripada digunakan untuk perbuatan yang kotor. Selanjutnya penulis akan menerangkan maksud khalwat secara ringkas seperti yang difahami oleh umum dan sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang Agama Islam Negeri Kelantan.

Undang-Undang Mahkamah Syariah Negeri Kelantan ada menerangkan tentang pengertian khalwat, iaitu bab 92 (1), (2) dan (3).

92 (1) mengatakan:

"Seseorang lelaki Islam yang didapati berkurung dan duduk berhampiran yang mendatangkan syak dengan seorang perempuan sama ada beragama Islam atau tidak selain daripada perempuan yang ditegah ke atasnya berkahwin mengikut syarak disebabkan oleh adik beradik sedarah sedaging atau lain-lainnya, hendaklah dihukum salah dan berkhawlwat dan boleh dihukum penjara selama tak lebih daripada sebulan ataupun denda tak lebih daripada seratus ringgit atau bagi kesalahan kedua atau berulang-ulang dengan penjara tak lebih daripada tiga bulan atau denda tak lebih daripada tiga ratus ringgit".

- (2) "Seseorang perempuan Islam yang beraubhat melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab kecil pertama daripada bat ini hendaklah dijatuhkan melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman penjara tak lebih dari pada 14 hari atau denda tak lebih daripada seratus ringgit dan kesalahan yang kedua atau selanjut olehnya dengan hukuman penjara tak lebih daripada tiga bulan atau denda tak lebih daripada tiga ratus ringgit.

(3) "Jika didapati seseorang perempuan Islam yang didapati berkurung dan duduk berhampiran yang mendatangkan syak dengan seorang lelaki yang bukan berugama Islam hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah melakukan kesalahan di bawah bab kecil (2) daripada bab ini".

Dari ketiga-tiga pecahan bab ini dapat diketahui dan difahami bahawa jika seseorang lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri serta mereka pula halal berkahwin kerana disebabkan bukan adik beradik sedarah sedaging atau bukan muhrim duduk berhampiran di tempat yang sunyi jauh dari penglihatan orang ramai maka mereka dikatakan bersalah melakukan khalwat. Kedudukan mereka pula boleh mendatangkan syak sebab duduk berhampiran (berhimpitan) menyebabkan ada kemungkinan mereka melakukan perbuatan sumbang kalaupun tidak melakukan zina. Satu-satu pasangan yang terlibat pula bukan saja di antara sesama Islam tetapi juga di antara seorang lelaki dan perempuan Islam dengan lelaki atau perempuan bukan Islam. Cuma sehingga sekarang Mahkamah Syariah belum lagi diperuntukkan hukuman untuk membolehkan pesalah yang bukan Islam dihukum sama seperti pesalah yang beragama Islam.

Dalam Bab 92 (1) dan (3) ada disebutkan perkataan "berkurung". Mengikut penerangan Kadi perkataan berkurang tidak tepat untuk digunakan ke atas kesalahan khalwat sebab perbuatan berkurang lebih tepat digunakan ke atas kesalahan bersekedudukan. Perbuatan khalwat tidak semestinya dilakukan secara berkurung dan jika pesalah didapati ber-

kurung tetapi tidak pula mendatangkan syak bahawa mereka mencuba melakukan atau telah melakukan persetubuhan haran serta pakaian mereka adalah kemas maka tidak dapat lagi dikatakan mereka melakukan bersekedudukan. Seseorang hakim akan mengenakan tuduhan ke atas pesalah sama ada melakukan jenayah khalwat atau bersekedudukan dengan berdasarkan kepada laporan Penyelia Agama yang membuat tangkapan bersama dengan Pencegah Maksiat. Pihak Penyelia Agama pula akan mendasarkan kepada keadaan syak di atas dalam membuat laporan. Oleh sebab itu perbuatan khalwat jarang berlaku di tempat yang berkurung tetapi biasanya ia berlaku di tempat-tempat yang terbuka seperti di tepi-tepi pantai, di padang peranginan dan lain-lain tempat, asalkan ianya jauh dari pandangan orang ramai.

Demikian secara ringkas berkaitan dengan pengertian khalwat mengikut undang-undang Islam Negeri Kelantan, agar dapat dibezakan dengan jenayah bersekedudukan yang akan diterangkan kemudiannya.

2.2 PENGERTIAN BERSEKEDUDUKAN

Perkataan bersekedudukan biasanya tidak dipakai di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan tapi yang dipakai dalam laporan ketika menuduh orang yang bersalah ialah "mencuba melakukan persetubuhan haran". Mengikut penjelasan Kadi; walaupun bersekedudukan boleh dipakai dalam menyebut perbuatan mencuba melakukan persetubuhan haran tetapi ianya tidak dipakai. Bagaimanapun dalam tulisan seterusnya penulis akan menggunakan perkataan bersekedudukan untuk memudahkan dan meringkaskan penyebutan.

Bab 94 dan 95 daripada Buku Undang-Undang Mahkamah Syariah Negeri Kelantan ada menerangkan maksud perbuatan bersekedudukan.

Bab 94, (1) menyebutkan:

"Mana-mana lelaki Islam yang melakukan persetubuhan haram dengan seorang perempuan isteri orang lain ataupun ada sebab-sebab mempercayai bahawa perempuan itu isteri orang lain tapi persetubuhan itu bukanlah pula satu kesalahan merogol, adalah bersalah di atas kesalahan berzina dengan perempuan yang halal kahwin hendaklah jika sabit kesalahannya di sesebuah mahkamah dikenakan hukuman penjara selama satu tempoh tak lebih daripada 6 bulan penjara atau denda tak lebih daripada \$1000/-.

Mana-mana perempuan yang didapati salah di dalam sesebuah mahkamah kerana berserta melakukan kesalahan yang tersebut sebelum ini hendaklah dihukum penjara tak lebih daripada 6 bulan atau denda tak lebih daripada \$1000/-.

- (2) "Seseorang lelaki Islam yang melakukan persetubuhan dengan perempuan yang bukan isteri orang tapi perbuatan itu bukanlah pula satu kesalahan merogol adalah bersalah atas kesalahan berzina dengan perempuan yang halal kahwin dan hendaklah apabila didapati salah oleh sesebuah

mahkamah dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tak lebih daripada 6 bulan atau denda tak lebih daripada \$1000/-.

Mana-mana perempuan yang didapati salah oleh sesebuah mahkamah sebab berserta melakukan kesalahan yang dirujukkan ke dalam bab kecil ini hendaklah dihukum penjara selama suatu tempoh tak lebih daripada 6 bulan atau denda tak lebih daripada \$1000/-.

Semua kesalahan bersekedudukan yang berlaku di antara lelaki Islam dengan perempuan Islam akan dirujukkan di bawah bab ini. Bab ini telah dipecahkan kepada dua bahagian. Pemecahan ini untuk mengasingkan pesalah terutama pesalah perempuan yang mempunyai suami dengan yang tidak mempunyai suami. Bahagian pertama dari bab ini dikhaskan kepada perempuan yang mempunyai suami ataupun perempuan yang masih dalam edah kerana perceraian dan lelaki yang sama-sama bersalah dengannya. Sementara bahagian kedua pula diikhaskan kepada perempuan yang tidak mempunyai suami serta lelaki yang melakukan kesalahan dengannya.

Bab 95 (1) menyebutkan.

"Mana-mana lelaki yang melakukan persetubuhan haram dengan seseorang perempuan yang bukan Islam tetapi perse-tubuhan itu bukanlah pula suatu kesalahan nerogol, hendak-lah bersalah di atas kesalahan bersetubuh dengan perem-puan yang bukan Islam dan apabila sabit kesalahan hendak-

lah dikenakan hukuman penjara selama satu tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau denda sebanyak tidak lebih daripada \$1000/-".

- (2) "Mana-mana perempuan Islam yang melakukan kesalahan persetubuhan dengan seorang lelaki yang bukan Islam tetapi persetubuhan itu bukanlah pula satu kesalahan merogol, hendaklah bersalah di atas kesalahan bersetubuh dengan lelaki bukan Islam dan apabila sabit kesalahannya, hendaklah dikenakan hukuman penjara selama satu tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau denda tidak lebih daripada \$1000/-".

Bab ini pula dikhaskan kepada pesalah yang beragama Islam yang bersekedudukan dengan orang bukan Islam. Bahagian pertama dikhaskan kepada pesalah lelaki sementara bahagian kedua khusus kepada pesalah perempuan.

Walaupun terdapatnya bab-bab yang berlainan dan dipecahkan kepada bahagian yang tertentu pula, tetapi hukumannya sama saja antara satu sama lain. Cuma dengan adanya pengasingan akan memudahkan lagi penentuan kesalahan untuk orang-orang tertentu ke dalam bab yang tertentu agar tidak bercampur aduk.

Berdasarkan bab-bab yang diperturunkan tadi, terdapat sifat-sifat tertentu atau keadaan yang tertentu di mana seseorang atau satu pasangan boleh disabitkan dengan kesalahan bersekedudukan dan setengah

keadaannya sama dengan jenayah khalwat. Antara sifat-sifat kesalahannya seperti duduk secara berduaan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim, tinggal berduaan secara berkurung dan keadaan mereka menimbulkan syak. Sifat-sifat ini pula bertalian antara satu sama lain. Misalnya perbuatan ini dilakukan oleh pasangan bukan muhrim secara berduaan seperti suami isteri di tempat yang terkurung dan boleh mendatangkan syak bahawa mereka mencuba atau melakukan persetubuhan haran.

2.2.1 BUKAN MUHRIM

Soal muhrim atau bukan muhrim penting dalam menentukan kesalahan bersekedudukan. Selain daripada melalui perkahwinan, seseorang juga dikira dari pertalian darah dan keluarga dalam menentukan muhrim atau tidaknya. Misalnya jika persaudaraan seseorang tidak rapat seperti bukan adik beradik, maka ianya dikatakan bukan muhrim. Dengan kata lain mereka boleh dikahwinkan. Untuk lebih jelas berkenaan dengan lain-lain pertalian keluarga yang dikatakan bermuhrim selain daripada adik beradik dan suami isteri dapat diperhatikan dari firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Diharankan kepada kamu berkahwin dengan perempuan berikut iaitu ibu kamu, anak kamu, saudara kamu, anak-anak kepada saudara lelaki dan perempuan kamu, ibu-ibu yang menyusukan kamu, ibu isteri kamu, anak tiri peliharaan kamu yang telah

kamu campuri, bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu dan diharamkan kamu berkahwin dengan dua adik beradik sekali kecuali ia telah berlaku di zaman yang lalu".²

Allah berfirman lagi dengan maksud:

"Jangan kamu berkahwin dengan perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku di masa yang laku".³

Oleh itu jika seseorang didapati tinggal berduaan dengan orang-orang tertentu seperti di atas maka mereka tidak akan disabitkan dengan kesalahan bersekedudukan kerana mereka tidak sah untuk berkahwin.

Bagaimanapun pada keadaan tertentu seseorang boleh juga dituduh bersalah melakukan bersekedudukan jika kedudukan mereka secara berduaan mendarangkan syak yang kuat bahawa mereka ada mencuba atau telah melakukan persetubuhan haram walaupun mereka adalah bermuhrim.⁴ Selain daripada orang-orang yang ditegah seperti di atas, Allah s.w.t. telah menbenarkan perkahwinan di antara seorang lelaki dengan perempuan seperti firmaninya yang bermaksud:

²Al-Quran, (An-Nisa), 23.

³Al-Quran, (An-Nisa), 22.

⁴Lihat kes no. 21/1978, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

"Dan halal bagi kamu perempuan yang lain daripada yang tersebut itu untuk dijadikan isteri dengan harta kamu secara berkahwin bukan berzina".⁵

2.2.2 BERKURUNG

Satu perkara lagi berkenaan dengan bersekedudukan ialah perbuatan tinggal berduaan secara berkurstung. Walaupun tidak disebut di dalam buku undang-undang perkataan berkurstung tetapi perbuatan tinggal berkurstung penting dalam menyabitkan kesalahan seseorang dengan bersekedudukan. Berkurstung boleh ditafsirkan dengan dua jenis. Pertananya tafsiran secara tepat, iaitu tinggal atau berkurstung di tempat yang terdapat dinding di sekeliling ataupun alat pelindung yang boleh melindungi pesalah dari pandangan orang. Misalnya di dalam rumah, di bilik-bilik hotel, di dalam kereta dan di lain-lain tempat seperti yang tersebut. Keduanya, berkurstung ditafsirkan secara tidak langsung. Ianya meliputi mana-mana saja tempat yang jauh dan tersembunyi dari pandangan orang ramai misalnya dalam kawasan senak, dalam belukar dan di tepi pantai. Tempat-tempat ini walaupun tidak begitu terkurung khususnya jika dibandingkan dengan rumah tetapi seseorang boleh juga disabitkan dengan kesalahan bersekedudukan sekiranya didapati mereka sedang atau mencuba melakukan persetubuhan haram.⁶ Sebaliknya jika seseorang tidak

⁵ Al-Quran, (An-Nisa'), 24.

⁶ Lihat kes no. 16/1977; kes no. 74/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

melakukan zina dan kedudukan mereka tidak mendatangkan syak dari gerak geri dan pakaian maka ianya tidak boleh disabitkan dengan kesalahan bersekedudukan tetapi mungkin bersalah melakukan khalwat.

Kedudukan secara berkurung menjadikan satu kerumitan kepada pencegah maksiat dan Penyelia Agama untuk mendapatkan bukti bahawa sesuatu pasangan sedang melakukan persetubuhan haram. Ini disebabkan pada kebiasaan mereka sebelum membuat tangkapan pihak yang berkuasa terlebih dulu akan melakukan pengintipan untuk memastikan ada pasangan yang kedudukannya mendatangkan syak yang tertentu di satu-satu tempat.

Seandainya bersekedudukan dilakukan di hotel, di rumah atau lain-lain tempat yang tidak boleh dibuat pengintipan maka Penyelia Agama terlebih dahulu akan mengetuk pintu dan memperkenalkan diri sebelum membuat pemeriksaan, tanpa dapat membuat pengintipan secara berkesan terlebih dulu. Apabila keadaan ini terjadi sudah tentu memberikan kesempatan kepada pasangan yang terlibat untuk berkeadaan seperti biasa scolah-olah tidak ada apa yang berlaku. Malahan memberi kesempatan kepada pasangan lelaki untuk bersenbunyi dan mlarikan diri daripada ditangkap.⁷

2.2.3 MENIMBULKAN SYAK

Untuk mengukuhkan lagi bahawa sesuatu pasangan yang bukan mahrim melakukan bersekedudukan selain daripada tinggal berduaan secara

⁷Lihat kes no. 21/1980, Mahkazah Syariah Kota Bharu.

berkurung ialah kedudukan mereka boleh menimbulkan syak yang kuat bahawa mereka melakukan perkara sumbang seperti mencuba atau melaku persetubuhan haram. Bagaimanapun tuduhan tidak boleh dibuat walaupun kedudukan mereka mendatangkan syak kecualilah terdapat bukti yang kuat dan sempurna.

Meskipun ramai pasangan telah mengaku bahawa mereka telahpun melakukan persetubuhan haram⁸ tetapi ada juga di antara mereka dilaporan belum melakukannya. Tetapi perbuatan mereka yang tinggal dan tidur bersama memberikan kemungkinan besar bahawa mereka ada melakukan perkara sumbang walaupun pengintipan dan syak tidak boleh dijadikan bukti bahawa mereka telah berzina atau berlaku sumbang.

Keadaan syak boleh didasarkan kepada keadaan tertentu pula. Antaranya ialah kawasan persekelitaran tempat kejadian adalah gelap ataupun sanar-sanar jika ianya berlaku di waktu malam. Tempatnya juga tersembuni dari pandangan dan pengetahuan orang ramai serta pada masa mereka melakukan bersekedudukan, cuma mereka berdua saja yang ada ataupun orang yang bersubhat dengannya. Selain daripada itu tidak ada sebab yang menasabah untuk membolehkan sesuatu pasangan yang bukan muhrim berada di tempat seperti itu serta secara berkurung pula.

⁸Lihat kes no. 23/1980; 12/1980, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Keadaan pakaian juga boleh menimbulkan syak. Seseorang hakim (Kadi) akan menentukan kesalahan dengan berdasarkan kepada laporan dari-pada Penyelia Agama yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan dan tangkapan. Mengikut Penyelia Agama sebahagian besar pesalah berada dalam pakaian yang tidak sempurna seperti tidak berbaju atau tidak berpakaian langsung.⁹ Ini menjadikan atau menimbulkan syak bahawa mereka telah atau baru hendak melakukan persetubuhan haram menandangkan pakaian mereka yang tidak sempurna.

Terdapat perbezaan berkenaan dengan bentuk kesalahan seperti yang dicatitkan dalam buku Undang-undang Jenayah Islam Negeri Kelantan iaitu bab 94 dengan bentuk kesalahan yang dicatitkan dalam kertas pertuduhan dalam menuduh pesalah ketika mereka menghadapi perbicaraan. Perbezaan ini disebabkan oleh bab 94 menyebut "mana-mana lelaki Islam" atau "nana-nana perempuan Islam yang melakukan persetubuhan haram" yang bermaksud bahawa satu-satu pasangan atau seseorang telahpun melakukan persetubuhan haram. Sebaliknya bentuk kesalahan dalam kertas pertuduhan yang dibacakan kepada pesalah dalam perbicaraan ialah "kamu pada waktu dan hari yang dicatitkan dituduh cuba atau berserta cuba melakukan persetubuhan haram". Di sini pula bermaksud seseorang itu belum bersetubuh lagi tetapi baru mencuba. Ini mungkin menimbulkan tanda tanya yang mana harus dipakai sama ada bentuk kesalahan mengikut bab 94 daripada buku undang-undang ataupun mengikut kertas pertuduhan.

⁹Lihat kes no. 73 dan 77/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Mengikut penjelasan Kadi walaupun bab 94 menyebutkan perkataan yang bermaksud telah melakukan persetubuhan haram tetapi pasangan yang bersalah hanya dituduh 'mencuba' sahaja disebabkan bab 94 seharusnya dan selalu dibaca bersama dengan bab 99 daripada buku Undang-Undang Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.

Bab 99 menyebutkan "sesiapa yang mencuba melakukan atau ber-subhat melakukan mana-mana kesalahan terhadap undang-undang ini hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah ianya melakukan kesalahan yang demikian".

Dengan dibacakan bersama antara bab 94 dan bab 99 menjadikan orang yang dituduh dianggap bersalah dengan mencuba melakukan perse-tubuhan haram dan menghilangkan tuduhan telah melakukan persetubuhan haram.

Dalam syariat Islam, pengakuan secara sukarela seseorang pesalah bahawa mereka telah berzina boleh dijadikan bukti yang mereka telah melakukan zina walaupun tiada saksi yang melihatnya. Sekiranya kesalahan didasarkan pada pengakuan secara sukarela maka ramailah pesalah yang bersekedudukan telahpun melakukan zina dan sudah tentu hukuman ke atas kesalahan sedemikian ialah rejam dan sebat. akan tetapi Mahkamah Syariah setakat ini tidak berkuasa untuk menghukum sebat dan rejam setiap pesalah yang berzina. Menandangkan perkara ini-lah maka tuduhan telah diubah kepada "mencuba melakukan persetubuhan haram" agar ianya sesuai dengan hukuman yang ada pada masa ini.

Sebenarnya jika diubah tuduhan sekali pun tidaklah bernakna akan menghapuskan kesalahan zina setiap pesalah. Walau bagaimanapun nengikut penjelasan Kadi lagi dengan mengubah tuduhan sekurang-kurangnya dapat mengimbangi dan menyesuaikan hukuman yang ada dengan kesalahan yang dilakukan. Seandainya tuduhan dikenakan ke atas pesalah sebagai melakukan zina dan denda atau penjara sebagai hukumannya maka ianya memperlihatkan kepada kita betapa tidak sesuainya antara kesalahan dengan hukuman.

Selain daripada itu terdapat juga kerumitan dalam menentukan sama ada satu-satu pasangan yang bersekedudukan telah melakukan zina atau belum sehingga membolehkan mereka dituduh melakukan zina. Kerumitan ini timbul disebabkan tuduhan zina boleh dibuat ke atas seseorang jika memenuhi syarat yang tertentu. Antara syaratnya ialah ianya memerlukan sekurang-kurangnya empat orang saksi yang menyaksikan perbuatan tersebut. Saksi pula mestilah terdiri dari orang-orang yang layak dipercayai dan mereka mestilah betul-betul melihat secara serentak pasangan yang sedang berzina. Maksudnya penyaksian bukan dengan cara mengintip dan hanya melihat batang tubuh pesalah tindih menindih tetapi juga melihat perzinaan itu sendiri.¹⁰

¹⁰Syed Ahmad Semait., Kuliah I : pada membicarakan 40 hadis, Singapura: Pustaka National, 1979, hal. 181.

Islam mengenakan syarat yang tertentu untuk setiap saksi kerana untuk mengelakkan seseorang yang tidak bersalah daripada menemui tuduhan palsu dan tidak jelas. Untuk memenuhi syarat ini amat rumit sekali. Oleh sebab itulah di zaman Rasulullah s.a.w. dulu hanya terdapat dua kali saja hukuman rejam dilaksanakan ke atas orang yang berzina dan itupun dengan pengakuan pesalah sendiri.

Kerumitan untuk membuktikan perzinaan pesalah yang bersekedudukan disebabkan cara pemeriksaan yang dibuat oleh pencegah maksiat tidak memenuhi syarat seperti dalam syariat Islam menjadikan Mahkanah Syariah tidak dapat menuduh pesalah yang bersekedudukan sebagai melakukan zina. Dengan itu tuduhan yang dikenakan ke atas mereka hanya 'mencuba melakukan persetubuhan haram'.

Akhirnya dapat diperhatikan bukan saja tuduhan berzina tidak dikenakan ke atas pesalah, malahan perkataan 'zina' pun seboleh-bolehnya tidak nahu digunakan untuk mendakwa orang yang bersekedudukan. Ini disebabkan terlalu beratnya perbuatan zina dalam erti kata ianya satu perbuatan yang sangat terkutuk dan hina. Dengan sebab itulah perkataan mencuba melakukan zina telah digunakan oleh Mahkanah Syariah sedangkan ianya sama saja dengan perkataan mencuba melakukan persetubuhan haram.

2.3 PANDANGAN MASYARAKAT

Perbuatan bersekedudukan biasanya tidak akan sampai kepada pengetahuan pihak yang berkuasa jika tidak adanya laporan dari orang ramai. Ini disebabkan perbuatan tersebut dilakukan di kampung-kampung

atau di luar bandar jauh ke pendalaman dan di bandar pula ianya dilakukan di tempat yang tersembunyi. Oleh sebab itu peranan orang ramai, ketua kampung, Imam atau sesiapa saja yang mengetahuinya penting dalam melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab agar perbuatan ini tidak berlaku dengan lebih berleluasa. Masyarakat dapat mengetahuinya, mungkin disebabkan oleh perbuatan ini sudah lama dilakukan sehingga mendatangkan syak. Seterusnya pemeriksaan boleh dilakukan dan jika benar apa yang dilapor, tangkapan boleh dibuat.

Masyarakat sekarang terutamanya masyarakat Melayu walaupun sudah agak 'liberal' tentang pergaulan anak-anak mereka, masih kuat menentang perbuatan sumbang seperti bersekedudukan. Keadaan ini ditambah pula dengan ajaran Agama Islam yang malarang perbuatan tersebut. Ini disebabkan besar kemungkinan mereka yang bersekedudukan juga telah berzina dan masyarakat di sekeliling mereka pula akan menuduh mereka telah berzina sekalipun setengah daripada mereka tidak melakukannya.

Di sisi Allah, orang yang berzina sama saja di antara lelaki dan perempuan di segi hukuman di dunia dan balasan di akhirat. Tetapi masyarakat lebih menitik beratkan kaum perempuan dari lelaki. Sesorang lelaki yang berzina tidak begitu dihina dan dipandang rendah seperti kaum perempuan. Kebanyakan ibubapa walaupun tahu akan dosanya, tidak bimbang akan kesan yang akan menimpa anak lelaki mereka yang berzina kerana akibat atau kesan yang akan ditanggung oleh mereka di dunia ini tidak seberapa.

Berlainan dengan kaum perempuan yang mana mereka lebih banyak menerima akibat dari perbuatan mereka. Mereka mungkin akan melahirkan anak di luar nikah. Jika mereka terdiri dari gadis yang belum kahwin akibatnya lebih besar lagi. Orang lelaki yang mengetahui perbuatannya tidak akan mengahwininya kecuali lelaki yang berzina dengannya. Mereka akan digelar gadis yang telah rosak yang tidak perawan lagi. Inilah yang membimbangkan para ibubapa.

Dari pengalaman penulis terdapat gadis yang berzina setelah diketahui masyarakat, sanggup berkahwin dengan lelaki tertentu atau siapa saja yang kedudukannya, seperti rupa dan kekayaan, adalah lebih rendah dari mereka. Perbuatan mereka ini semata-mata kerana ingin menutup rasa malu yang dihadapi oleh keluarga mereka. Tetapi kebanyakan lelaki masih tidak dapat menerima gadis tersebut kerana takut dikatakan oleh masyarakat sekeliling mereka sebagai 'pak sanggup'.*

Masyarakat di bandar besar pula mungkin agak berlainan dengan luar bandar dari segi pergaulan dan kawalan terhadap anak-anak; mereka lelaki dan perempuan. Keadaan sosial di bandar berlainan dengan di luar bandar dengan segala pembaharuan menjadikan penghuninya bersifat

*Satu gelaran oleh masyarakat Kelantan kepada orang lelaki yang sanggup melakukan sesuatu dan dalam kontek ini berkahwin dengan perempuan yang melakukan zina. Biasanya perbuatan yang dilakukan oleh 'pak sanggup' tidak dilakukan oleh orang lain.

'individualistik' atau tidak mahu mengambil tahu hal orang lain, dan masing-masing mahu menjaga kepentingan sendiri sahaja. Sebab itu masyarakat tidak begitu mengambil peduli tentang apa yang orang lain buat seperti melakukan zina atau lain-lain. Ini menjadikan perbuatan zina lebih mudah lagi berlaku dengan ditambah pula senangnya memperolehi bahan-bahan pencegah hamil.

Sebelum terjadinya perzinaan para ibubapa atau masyarakat yang beragama Islam terutama di luar bandar akan milarang anak-anak atau keluarga mereka dari melakukan zina terutamanya disebabkan oleh dosanya yang berat di akhirat nanti. Tetapi setelah terjadi perzinaan soal dosa tidak timbul lagi. Apa yang dibimbangkan ialah masyarakat yang akan mengeji atau mengejek anak mereka yang berzina dan seterusnya akan menjatuhkan maruah keluarga mereka. Oleh sebab itu berita-berita penangkapan pasangan yang terlibat seboleh-bolehnya ingin disembunyikan dari diketahui oleh masyarakat sebab soal ini bukan saja ncencemar nama orang yang berzina tapi juga keluarganya.

2.4 ADAKAH BERSEKEDUDUKAN MERUPAKAN SATU JENAYAH DAN PENYELEWENGAN SEKS

Tiap-tiap masyarakat mempunyai pandangan dan nilai yang berbeza ke atas setiap perlakuan sosial. Nilai buruk dan baik sesuatu perlakuan bagi masyarakat Melayu misalnya adalah ditentukan oleh adat kesopanannya yang tersendiri dan dari ajaran agama. Sementara masyarakat lain seperti masyarakat Barat yang bukan beragama Islam, men-

punyai pandangan yang berbeza pula ke atas perlakuan manusia sama ada ianya dapat dianggap baik atau buruk. Walau bagaimanapun semua masyarakat mempunyai 'sanction' ke atas setiap perlakuan yang dianggap menyeleng dari norma-norma yang seharusnya diikuti oleh masyarakat mereka yang mungkin dalam bentuk undang-undang ataupun 'sanction' secara tidak formal.

Masyarakat Melayu yang semuanya beragama Islam sememangnya menganggap perbuatan bersekedudukan sebagai suatu perbuatan jenayah dan penyelewengan seks yang bukan saja disebabkan oleh pengaruh ajaran Islam tetapi juga memang perbuatan itu dianggap tidak bersopan dan keji.

Islam amat lengkap pengajarannya. Daripada sekecil-kecil masalah sehingga besar-besar masalah diperhitungkan dalam mengatur perjalanan hidup manusia ke jalan yang benar. Perbuatan bersekedudukan jika dipandang secara kasar hanya akan melibatkan biasanya satu-satu pasangan yang berlainan jantina atau seorang lelaki dan perempuan yang dikatakan oleh masyarakat dan undang-undang Barat sebagai suatu yang tidak merbahaya dan mudarat serta tidak melibatkan masyarakat umum. Ianya dikatakan demikian kerana perbuatan tersebut terjadi bukan disebabkan oleh paksaan tetapi kerana mendapat kerelaan masing-masing pihak yang terlibat.

Sebaliknya pula ajaran Islam mengatakan perbuatan bersekedudukan boleh menimbulkan kemudaratian. Antaranya walaupun perbuatan itu melibatkan individu yang tertentu saja tetapi lebih jauh ia akan menggugat atau meruntuhkan rumahtangga jikalau orang yang terlibat terdiri daripada seorang suami atau isteri. Sudah tentu jika seseorang suami yang bertanggungjawab, mengetahui akan isterinya yang bersekedudukan dengan lelaki lain, ianya akan menyebabkan pasangan itu akan bercerai dan kalau tidakpun akan berlaku huru-hara. Begitu juga sebaliknya bagi seseorang isteri apabila mengetahui akan kejahatan suaminya mungkin akan mengambil tindakan-tindakan tertentu yang tentunya akan memburukkan hubungan mereka.

Selain daripada itu hubungan antara keluarga suami dan isteri mungkin akan retak. Tidak dapat dinafikan perbuatan bersekedudukan boleh membawa kepada bersatu dan berikatan keluarga jika mereka yang bersalah dikahwinkan. Tetapi apa akan terjadi jika si lelaki tidak mahu mengahwini si perempuan yang bersekedudukan dengannya? Mungkin pula akan menimbulkan dendam bagi pihak keluarga perempuan. Oleh sebab itulah Allah s.w.t. yang maha mengetahui telah menentukan sesuatu perbuatan itu sama ada boleh atau tidak dilakukan. Jelasnya bersekedudukan adalah satu perbuatan yang salah dan satu perbuatan Jenayah yang mestilah dihindari oleh umat Islam kerana perbuatan duduk berduaan yang boleh mendatangkan syak antara bukan muhrim memberi kemungkinan berlakunya perbuatan keji dan akibatnya buruk sekali. Oleh sebab itu

Islam telah menentukan hukuman bukan saja ke atas kesalahan bersekendudukan tetapi juga ke atas jenayah khalwat dan jenayah lain supaya dengannya perbuatan jenayah akan terhapus.

Dalam contoh masyarakat Melayu, selain daripada hukuman ditentukan oleh ajaran agama, terdapat juga hukuman tidak rasmi agar perbuatan yang tercela tidak diulangi lagi oleh pesalah dan sebagai tauladan kepada orang lain. Misalnya dengan mengahwinkan pasangan yang terlibat. Walaupun perkahwinan mempunyai tujuan yang baik tetapi anggapan masyarakat tetap rendah terhadap mereka. Masyarakat akan menganggap bahawa mereka yang sama-sama bersalah saja yang sesuai berkahwin dan menjadi pasangan suami isteri. Dan biasanya perempuan yang dikatakan 'rosak' akibat dari perbuatannya akan dikeji dan tidak akan dikahwini oleh lelaki lain sekiranya diketahui perbuatan gadis atau perempuan tadi.

Bagi masyarakat Barat, perbuatan bersekendudukan tidak dianggap sebagai jenayah sebab ianya dikatakan tidak memudaratkan masyarakat umum tetapi hanya melibatkan individu atau mereka yang terlibat saja. Malahan masyarakat Barat dengan undang-undangnya menganggap perbuatan zina bukannya jenayah dan oleh itu tidak berminat untuk campur tangan dan menyelesaikannya melalui undang-undang. Tanpa penglibatan masyarakat umum bermakna juga tidak melibatkan kerajaan dan dengan itu bergantunglah kepada individu yang terlibat untuk menyelesaikannya tanpa melalui proses undang-undang.

Adakah bersekedudukan dapat dianggap satu penyelewengan seks? Adakah ianya melanggar nilai-nilai moral, norma dan undang-undang? Penyelewengan secara lebih luas ialah tingkah laku yang melanggar normal sosial. Norma sosial termasuklah 'mores, folkways' dan undang-undang bertulis yang menguasai tingkah laku manusia untuk mencapai matlamat dalam hidup.

Penyelewengan mengikut Merton ialah:

".....deviant behaviour involves significant departures from norms socially assigned to various statuses and roles. What constitutes deviant behaviour in any case is not unequivocally clear for, as we have repeatedly noted, people sometime differ widely on social norm".¹¹

Dalam dunia moden pencapaian kebendaaan oleh seseorang individu atau masyarakat dianggap sebagai sesuatu yang tinggi statusnya dan dipandang mulia. Untuk mencapai sesuatu matlamat yang mana semua orang menerlunya boleh didapati dengan cara yang mungkin dibenarkan dan mungkin tidak dibenarkan. Dengan adanya peluang-peluang yang baik untuk memperolehi kepentingan seperti melalui perolehan pelajaran yang

¹¹Merton, R.K., "Introduction: The Sociology of Social Problem", R.K. Merton and R.A. Nisbet, (ed), Contemporary Social Problem, Harcourt Brace Jovanovich, Inc. New York, 1976, hal. 28.

baik, pekerjaan yang baik, peluang kekayaan yang sedia ada melalui warisan dan lain-lain peluang membolehkan individu mencapai kepentingan mereka. Sebaliknya didapati sukar bagi setengah golongan yang kurang berasib baik dan tidak mempunyai peluang untuk mencapai matlamat hidup yang baik atau berkesan seperti di atas.

Dari sinilah akan timbulnya penyelewengan dalam kelakuan untuk mencapai matlamat apa sekalipun misalnya untuk mendapatkan harta dilakukan dengan cara merompak dan mencuri atau untuk mencapai kepuasan seks dengan jalan merogol atau bersekedudukan bukannya dengan cara perkahwinan yang dibenarkan. Mungkin keadaan ini timbul kerana peluang untuk berkahwin tidak tercapai disebabkan tidak berkemampuan untuk mendirikan rumah tangga akibat dari kekurangan 'material'. Oleh sebab seks merupakan salah satu keperluan bagi manusia yang normal maka jalan dan cara mana sekalipun terpaksa dicari untuk mencapainya tanpa memperhitung jalan yang dilakukan itu betul atau salah. Dari sini menunjukkan betapa sukaranya golongan yang kekurangan 'material' untuk mencapai sesuatu dengan jalan yang sah. Dengan itu cara-cara yang tidak betul-pun digunakan seperti tingkah laku yang menyeleweng.¹²

Dalam struktur masyarakat terdapat beberapa elemen penting seperti matlamat (goals), tujuan (purposes) dan kepentingan (interest). Kepentingan-kepentingan ini dikawal oleh cara-cara yang sah untuk men-

¹²Clinord, M.B. Sociological of Deviant Behaviour, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1963, hal. 112.

capai matlamat. Tetapi bila cara yang diterima (acceptable means) tidak dapat membantu mencapai matlamat yang tidak dibenarkan oleh norma, dipanggil "Anomie".¹³

Bagi Durkheim pula anomie adalah keadaan dimana kurangnya peraturan, tidak wujudnya norma, tidak ada undang-undang yang dapat melemahkan norma mana-mana orang perseorangan atau kumpulan yang membolehkan berlakunya penyelewengan.¹⁴

Kesimpulannya dapatlah dikatakan anomie merupakan di mana tidak ada jalan-jalan yang sah untuk mencapai matlamat. Reformasi dari teori anomie Merton dilakukan oleh Clinard, dengan mengatakan pencapaian melalui jalan-jalan yang tidak sah juga mempunyai variasi. Di dalam teori Merton penyelewengan adalah hasil dari perbezaan pencapaian matlamat. Bagi Cloward perbezaan melalui pencapaian cara yang tidak sah juga berbeza-besa. Ini disebutnya 'differential opportunity'. Penyesuaian ini adalah mengikut susunan sosial terutamanya kelas bawahan.¹⁵

¹³Merton, R.K., "Social Structure and Anomie" . , American Sociological Review, Vol. 3, 1938, hal. 672 - 682.

¹⁴Schafer, S. and Knudten, R.D., Juvinile Delinquency, New York; Random House, 1970, hal. 75.

¹⁵Cloward, R.A., "Illegitimate Means, Anomie and Deviant Behaviour", American Sociological Review, Vol. 24, 1959, hal. 164 - 176.

Anggapan terhadap bersekedudukan sama ada ianya satu penyelewengan seks atau tidak, sama juga dengan anggapan ke atas bersekedudukan sebagai satu jenayah, iaitu bergantung kepada tiap-tiap masyarakat. Keadaan ini disebabkan tiap-tiap masyarakat mempunyai norma dan moral tersendiri yang akan menentukan perbuatan bersekedudukan tadi. Dengan ini ada masyarakat yang menganggap bersekedudukan ialah satu perbuatan yang menyeleweng seperti masyarakat Melayu dan masyarakat Barat pula tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang menyeleweng. Masyarakat Melayu menganggapnya menyeleweng kerana ianya bertentangan dengan nilai kesopanan dan adat ketimuran.

Masyarakat di Barat menganggap 'dara' tidak menjadi perhitungan lagi untuk perkahwinan dan tiada bakal suami yang mendesak apakah bakal isterinya masih ada dara atau tidak seolah-olah kehilangan dara menjadi satu kelaziman. Dengan itu gadis yang masih dara berupa yang 'exception' pula. Malah ada yang terus terang melakukan bersekedudukan hingga mendapat anak dan tiada segan silu mengenai berita bersekedudukan itu tersiar dalam akhbar lengkap dengan gambar termasuk gambar anak. Malahan bagi ibubapa mereka akan merasa bangga jika anak gadisnya melakukan zina sebelum perkahwinan kerana dengan ini menunjukkan anak-anak mereka sudah dewasa dan matang dengan seks.

Setengah orang Melayu walaupun sanggup melakukan bersekendudukan tetapi masih merasa segan silu dan takut dari diketahui oleh orang. Sebab itu ianya dilakukan secara bersembunyi. Ketakutan mereka pula disebabkan oleh perbuatan mereka akan menimbulkan kutukan sosial dan suatu pelanggaran undang-undang. Sebaliknya masyarakat Barat tidak menganggapnya suatu pelanggaran undang-undang dan orang yang bersekendudukan tidak akan menerima kutukan sosial sebab norma dan adatnya mungkin tidak menganggap sebagai cara yang salah untuk mencapai kepuasan seks. Dengan itu bersekendudukan tidak merupakan satu jenayah dan penyelewengan seks.

BAB 3

ANALISA KES BERSEKEDUDUKAN DI KELANTAN

3.1 JUMLAH KES YANG DIKAJI

Satu masalah bagi penulis ialah untuk mendapatkan jumlah kes yang lengkap ataupun kesemua kes yang telah dibincangkan oleh Nahkonah Syarikh sepanjang empat tahun yang dikaji, selain daripada data-data yang diperlukan tidak lengkap dalam tiap-tiap satu kes. Ini disebabkan kes-kes dalam tahun-tahun yang dikaji dan malahan sebelumnya tidak disimpan dengan baik yang mana banyak daripada kes-kes tersebut telah hilang serta pula bercampur aduk di antara satu sama lain. Dengan itu jumlah kes yang sebenarnya tidak diperolehi oleh penulis. Bagaimanapun penulis akan menganalisa sejumlah kes yang masih tersimpan dan boleh didapati oleh penulis.

Mengikut apa yang didaftarkan dari buku pendaftaran, terdapat sebanyak 317 kes besar ataupun kes bersekedudukan di antara tahun 1977 hingga 1980. Sebaliknya jumlah kes tersebut yang **didapati** oleh penulis dari fail-fail yang tersimpan hanya sebanyak 250 sahaja dan sejumlah inilah yang akan dikaji oleh penulis. Dari angka-angka ini menunjukkan banyaknya kes yang tidak dapat dikaji ialah sebanyak 67 kes. Untuk lebih jelas lihat Jadual I.

JADUAL I

BILANGAN KES YANG DIDAFTAR DAN
KES YANG DIKAJI

| KES TAHUN | (a) KES YANG DIDAFTAR | (b) KES YANG DIKAJI | KES YANG TIDAK DAPAT DIKAJI |
|-----------|-----------------------|---------------------|-----------------------------|
| 1977 | 88 | 73 | 15 |
| 1978 | 80 | 63 | 17 |
| 1979 | 77 | 61 | 16 |
| 1980 | 72 | 53 | 19 |
| JUMLAH | 317 | 250 | 67 |

(a) Bersumber dari buku pendaftaran.

(b) Bersumber dari fail-fail kes.

Jadual I memperlihatkan kepada kita bahawa kejadian bersekedudukan semakin berkurangan dari setahun ke setahun. Dua kemungkinan boleh didapati berkaitan dengan pengurangan ini. Pertamanya kemungkinan kejadian sebenar jenayah ini telah berkurangan dan ini mungkin disebabkan oleh masyarakat mula insaf akan dosa yang harus ditanggung akibat dari perbustan tersebut ataupun kerana mereka takut menerima tindakan undang-undang.

Bagaimanapun pada pandangan penulis, sangat kecil sekali kesungkinan ini akan berlaku, memandangkan undang-undang dan hukumannya sans sahaja sejak dari dulu sampai sekarang. Lagi pula dari setahun ke setahun kehidupan masyarakat semakin moden seperti pergaulan yang bebas dan pengaruh Barat juga semakin menular terutama pengaruh yang boleh membiakkan kejadian jenayah termasuk seks. Jadi kejadian sebenar jenayah ini tidak mungkin berkurangan.

Jika demikian halnya maka berkurangnya kes-kes yang dapat ditangkap oleh pihak berkuasa memberi kesungkinan yang kedua pula iaitu kerana kejayaan pencegah maksiat semakin berkurangan. Ini berasalna pengurangan jumlah kes seperti dalam Jadual I tidak memberikan makna sebenarnya yang jenayah ini telah berkurangan kerana mungkin banyak lagi kejadian yang tidak dapat ditangkap dan dikesan. Keadaan ini diaehabkan perbuatan tersebut dilakukan di tempat yang lebih tersesbunyi lagi sehingga merumitkan untuk dikesan oleh pencegah maksiat. Jumlah kes yang telah dibicarakan hanya berdasarkan dari apa yang dapat dikesan dan ditangkap oleh pihak berkuasa saja dan kejayaannya pula adalah dari laporan orang ramai yang mengesyakki dan melihatnya.

Selain daripada kekurangan jumlah kes yang sebenar mengikut buku pendaftaran, keseluruhan kes pula sangat kekurangan data-data yang diperlukan. Misalnya banyak terdapat kes yang tidak merekodkan masa berlakunya kejadian, taraf perkahwinan pesalah dan

lain-lain fakta. Semua ini disebabkan oleh data-data tersebut bergantung kepada seseorang Kadi itu sendiri sama ada untuk merekodkan atau tidak. Kadang-kadang pula seseorang Kadi terlupa hendak bertanyakan kepada pesalah sewaktu menjalankan perbicaraan. Ini berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri ketika menghadiri perbicaraan di mana terdapat setengah pesalah yang ditanya umur atau pekerjaannya tetapi dalam kes-kes yang lain perkara-perkara tersebut tidak ditanya.

Daripada keseluruhan kes yang dikaji, ianya melibatkan seramai 500 orang pesalah lelaki dan perempuan termasuk 31 orang pesalah yang bukan beragama Islam. Oleh sebab orang yang bukan Islam tidak akan dikaji maka seramai 469 orang pesalah yang beragama Islam sahaja yang dikaji. Pesalah yang bukan Islam tidak dimasukkan dalam kajian disebabkan oleh tidak ada hukuman yang dikenakan ke atas mereka oleh Mahkamah Kadi. Sehingga sekarang Mahkamah Kadi belum lagi mempunyai kuasa untuk menghukum mereka. Jadual di bawah menjelaskan bilangan dan bangsa orang bukan Islam.

JADUAL 2

JUMLAH ORANG BUKAN ISLAM

| BANGSA TAHUN | CINA | THAI | INDIA | INGGERIS |
|-----------------|------|------|-------|----------|
| 1977 | 10 | 3 | 3 | 1 |
| 1978 | 3 | 1 | - | - |
| 1979 | 5 | - | - | - |
| 1980 | 4 | 1 | - | - |
| JUMLAH | 22 | 5 | 3 | 1 |

Hampir kesemua iaitu seramai 30 orang daripada mereka terdiri dari pesalah lelaki. Jika dibandingkan dengan kaum lain, kaum Cina yang teramai sekali terlibat dan ini mungkin disebabkan oleh perhubungan mereka dengan orang-orang Melayu lebih rapat dengan ditambah pula mereka adalah kaum yang kedua terbesar di negara kita. Penglibatan orang bukan Islam disebabkan penglibatannya dengan orang Melayu yang ingin mencari wang melalui pelacuran. Berdasarkan dari pengakuan mereka yang bersalah bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan bahkan sebagai kawan yang baru dikenali dan sengaja melakukan bersekedudukan kerana ingin mendapatkan wang.¹ Ada juga yang mendakwa bahawa mereka sedang ber-cinta dan pasangan bukan Islam ingin memeluk Agama Islam dan akan berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam.²

Selain daripada pesalah bukan Islam, pesalah yang bersubhat juga tidak dikaji. Oleh itu hanya satu pasangan yang terdiri dari dua orang saja yang dikaji yang melibatkan diri secara langsung dalam tiap-tiap satu kes. Orang yang bersubhat tidak melibatkan diri secara langsung dalam erti kata melakukan perbuatan sumbang seperti mencuba atau melakukan persetubuhan haram. Walau-pun begitu mereka juga dianggap bersalah kerana berada bersama dengan pasangan yang bersekedudukan, sedangkan mereka tahu per-

¹ Lihat kes no. 12/1980; kes no. 68/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

² Lihat kes no. 58/1977; kes no. 39/1979; kes no. 50/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

buatan tersebut dilarang oleh undang-undang dan ajaran Agama Islam tetapi tidak berusaha menegah pasangan tersebut daripada melakukannya. Mereka terdiri dari tuan rumah di mana kejadian jenayah ini berlaku³ ataupun orang yang mungkin merancang perbuatan tersebut seperti kawan-kawan kepada pesalah.⁴ Terdapat seramai 21 orang pesalah lelaki dan perempuan yang bersubhat sepanjang kes yang dikaji.

Berikutnya akan dianalisa perkara-perkara atau fakta yang berkaitan dengan bersekedudukan seperti masa dan tempat berlakunya kejadian, usur pesalah, taraf perkahwinan pesalah dan pekerjaan.

3.2 MASA KEJADIAN JENAYAH BERSEKEDUDUKAN

Untuk mengetahui masa berlaku kejadian, lihat jadual di bawah.

JADUAL 3

MASA KESALAHAN DILAKUKAN

| MASA | TAHUN | 1977 | 1978 | 1979 | 1980 | JUMLAH |
|-----------------------|-------|------|------|------|------|--------|
| Sebelum pukul 7 malam | | 6 | 6 | 7 | - | 19 |
| 7 - 8 malam | | - | - | 1 | - | 1 |
| 8 - 10 malam | | 8 | - | 3 | 3 | 14 |
| 10 - 12 malam | | 24 | 23 | 11 | 12 | 70 |
| 12 - 2 malam | | 27 | 22 | 30 | 26 | 105 |
| Selepas pukul 2 malam | | 8 | 8 | 9 | 6 | 31 |
| Tiada catitan | | - | 4 | - | 6 | 10 |

Daripada keseluruhan kes setelah ditolak sebanyak 10 kes yang tidak direkodkan masanya, didapati sebanyak 175 kes dilakukan pada waktu lewat tengah malam iaitu di antara pukul 10 hingga pukul 2 malam. Waktu malam paling selamat untuk bersekedudukan sebab pada waktu ini tidak ada gangguan dan lebih selamat dari disyaki dan dilihat orang. Pihak yang berkuasa setelah mendapat maklumat, biasanya akan membuat pemeriksaan di waktu ini disebabkan masa ini mereka boleh memastikan bahawa pesalah benar-benar berada dalam keadaan berduaan dan boleh disyaki. Bagaimanapun ada juga kes-kes yang dilakukan pada waktu siang hari tetapi sedikit jumlahnya. Penentuan masa seperti dalam jadual bukanlah mutlak untuk tiap-tiap satu kesalahan. Pesalah mungkin telah lama bersekedudukan iaitu sebelum penangkapan dibuat. Masa yang dicatitkan hanyalah berdasarkan kepada masa penangkapan saja. Misalnya ada setengah pasangan yang diperiksa dan ditangkap ketika mereka sedang nyenak tidur. Ini bererti mereka telah bersekedudukan lebih awal lagi daripada masa penangkapan.

3.3 TEMPAT KEJADIAN

Dengan berdasarkan kepada masa berlakunya jenayah ini, dapat pula ianya dikaitkan dengan tempat-tempat berlakunya kejadian oleh pasangan yang terlibat. Tempat dalam hubungan ini tidak bermaksud daerah tetapi ianya dimaksudkan kepada tempat perlindungan. Memandangkan kebanyakkan masa kejadiannya sudah lewat malam maka di rumahlah kebanyakkan jenayah ini dilakukan.

JADUAL 4

TEMPAT BERLAKU JENAYAH
BERSEKEDUDUKAN

| TEMPAT | TAHUN | 1977 | 1978 | 1979 | 1980 | JUMLAH |
|------------------|-------|------|------|------|------|--------|
| Rumah* | | 58 | 55 | 54 | 45 | 212 |
| Hotel | | 4 | 5 | 1 | 2 | 12 |
| Kereta | | 6 | 2 | 1 | 3 | 12 |
| Lain-lain tempat | | 5 | 1 | 5 | 3 | 14 |

* Merangkumi setiap bentuk tempat kediaman, seperti rumah pangsa, asrama dan berek.

Dalam jadual di atas dapat diperhatikan bahawa banyaknya kejadian bersekedudukan yang berlaku di rumah. Biasanya seorang pesalah lelaki atau perempuan akan membawa pasangannya ke rumah kepunyaan sendiri atau ke rumah sewa untuk bermalam bersama. Di hotel pula pasangan yang ditangkap sedikit jumlahnya dan ini mungkin disebabkan oleh tempatnya yang kurang selamat. Oleh sebab itu kejadian yang berlaku di hotel melibatkan pelacur yang mencari kesempatan. Di Kelantan terutama di Kota Bharu kegiatan pelacuran di hotel-hotel tidak cergas dan ini mungkin disebabkan tindakan

tegas yang dibuat oleh kerajaan. Selain daripada melibatkan pelacur, ada juga kes yang melibatkan pesalah yang sengaja memilih hotel untuk melakukan maksiat.⁵

Kes yang berlaku di kereta juga tidak banyak dan ia juga mungkin disebabkan oleh tempatnya yang tidak selamat dan terlindung dari pandangan orang ramai. Kejadian di kereta lebih merupakan tempat sementara setelah memperolehi kesempatan ataupun mungkin kerana tidak ada tempat lain. Sebab itu ia dilakukan di tempat-tempat yang terpencil pada waktu malam.⁶

Di lain-lain tempat seperti di tepi-tepi pantai perke-
lahan, di kawasan semak, di padang-padang terbuka juga ada di-
lakukan tetapi tempat-tempat ini tidak populer jika dibandingkan
dengan kejadian yang berlaku di rumah.⁷ Berkensaan dengan tempat
kejadian kesemua kes yang dikaji dapat diketahui jumlah dan
tempatnya. Ini disebabkan catitan dan laporan berkensaan dengan-
nya dibuat oleh Penyelia Agama yang bertanggungjawab membuat
tangkapan dan bukannya dari catitan Kadi.

⁵ Lihat kes no. 78/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁶ Lihat kes no. 9/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁷ Lihat kes no. 5/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

3.4 UMUR PESALAH

Membicarakan tentang umur atau lingkungan umur bagi pesalah yang terlibat dapat diperhatikan pada jadual 5.

JADUAL 5

LINGKUNGAN UMUR PESALAH

| TAHUN PERINGKAT UMUR | 1977 | | 1978 | | 1979 | | 1980 | | JUMLAH |
|----------------------------|------|----|------|----|------|----|------|----|--------|
| | L | P | L | P | L | P | L | P | |
| Bawah 17 | - | 2 | 1 | 1 | - | 2 | - | 2 | 8 |
| 18 - 29 | 23 | 31 | 18 | 26 | 23 | 20 | 22 | 26 | 189 |
| 30 - 39 | 15 | 10 | 8 | 5 | 8 | 10 | 7 | 6 | 69 |
| 40 - 49 | 4 | 4 | 3 | 2 | 4 | 1 | 1 | 1 | 20 |
| 50 ke atas | 1 | - | 3 | 4 | - | - | 1 | - | 9 |
| Tiada catatan* | 30 | 26 | 30 | 25 | 26 | 28 | 22 | 18 | 205 |

L = Lelaki.

P = Perempuan.

* Termasuk pesalah bukan Islam.

Setelah diteliti kesemua kes didapati hanya seramai 142 orang pesalah lelaki dan 153 pesalah perempuan yang direkodkan umurnya. Selebihnya ialitu seramai 105 orang pesalah lelaki dan 97 pesalah perempuan tidak direkodkan. Jadual di atas dibuat dengan membahagikan semua umur pesalah kepada peringkat-peringkat

yang tertentu seperti peringkat remaja yang belum mencapai usur 18 tahun. Kemudian peringkat usur dewasa antara 18 hingga 29 tahun, peringkat pertengahan antara 30 hingga 39 tahun, golongan tua antara 40 hingga 49 tahun dan akhir sekali golongan yang lebih tua iaitu yang berumur 50 tahun ke atas.

Berdasarkan penggolongan ini didapati ramai pesalah lelaki dan perempuan yang terlibat adalah di peringkat usur dewasa dan pertengahan. Lain-lain peringkat usur seperti golongan tua dan golongan remaja atau yang belum sampai usur tidak ramai jumlahnya seperti dalam jadual.

Peringkat belum sampai usur ialah satu peringkat di mana seseorang pesalah belum dibolehkan untuk menerima hukuman penjara atau denda. Satu perbezaan dengan pesalah lelaki ialah lebih ramai pesalah perempuan yang terlibat di peringkat usur bawah 18 tahun iaitu peringkat bawah umur seperti yang ditetapkan oleh Hukumah Syariah. Ini mungkin disebabkan mereka lebih matang dari segi fizikal dan seks di peringkat usur tersebut jika dibandingkan dengan lelaki. Dengan itu membolehkan mereka untuk melakukan hubungan seks walaupun usur masih muda.

Terdapat juga golongan tua yang berumur lebih daripada 50 tahun yang terlibat dalam jenayah ini. Penglibatan mereka disebabkan oleh kesalahan bersekodudukan semula dengan bekas isteri mereka sebelum tamat tesyoh edah isterinya yang telah dicerai dengan talak tiga. Apabila berlaku kejadian ini maka pasangan

tadi sama ada isteri atau suami telah dianggap bersalah melakukannya bersekutudukan.

Pecalah ini juga terdiri dari mereka yang telah melanggungkan perkahwinannya di Negara Thailand yang tidak disahkan oleh pihak berkuasa di Malaysia kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang tertentu seperti tiada vali dan si perempuan masih dalam edah suami dahulu. Jadi walaupun mereka telah berkahwin dan tinggal bersama seperti suami isteri tetapi mereka tetap dianggap bersalah. Perkahwinan di Thailand bukan saja berlaku di kalangan golongan tua tetapi juga dari golongan pertengahan dan sebab-sebab perkahwinan mereka tidak sah sama juga iaitu tidak memenuhi syarat oleh syarak. Bagaimanapun tidak semua pesalah yang berkahwin di Thailand tidak sah jika mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3.5 PEKERJAAN PESALAH

Cleh sebab terdapat berbagai-bagai pekerjaan yang dibuat oleh pesalah maka tidak mungkin untuk menyenaraikan satu persatu. Namun begitu penulis telah membuat pembahagian umum iaitu dengan membahagikan pesalah kepada yang tidak bekerja dan yang mempunyai pekerjaan sama ada bekerja sendiri atau makan gaji. Didapati keseluruhan pesalah yang dicatitkan jenis pekerjaannya adalah terdiri dari mereka yang mempunyai pekerjaan yang rendah tarafnya, di samping mereka yang dilaporkan tidak mempunyai apa-apa pekerjaan.

Berbagai jenis kerja yang dibuat oleh pesalah iaitu dari kerja-kerja persendirian yang rendah tarafnya sehinggalah bekerja dengan kerajaan dan swasta yang lebih tinggi tarafnya jika dibandingkan dengan buruh-buruh kasar iaitu seperti guru, pegawai di syarikat swasta dan kerajaan, askar, polis, kerani dan pekerja-pekerja kilang.⁸ Sementara kerja-kerja makam guji yang rendah tarafnya ialah seperti buruh-buruh kasar, buruh pembinaan, buruh ladang dan lain-lain yang kesemuanya boleh digolongkan sebagai buruh.⁹ Terdapat ramai juga pesalah yang membuat kerja-kerja persendirian seperti berniaga, berladang, bertani, sebagai penoreh dan kerja-kerja kaspung yang lain serta ada di antara mereka yang menjadi pelacur.¹⁰

⁸ Lihat kes no. 81/1977; kes no. 7/1980, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁹ Lihat kes no. 42/1977; kes no. 1/1980, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

¹⁰ Lihat kes no. 20/1980; kes no. 72/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

JADUAL 6

TARAF PEKERJAAN PEMALAI

| PEKERJAAN JAMIN | BERKERJA | | | | TIDAK BERKERJA* | |
|--------------------|------------|-----------|---------------|-----------|-----------------|-----------|
| | NAKAN GAJI | | KERJA SENDIRI | | Lelaki | Perempuan |
| TAHUN | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| 1977 | 27 | 11 | 13 | 5 | 5 | 5 |
| 1978 | 15 | 11 | 10 | 4 | 4 | 9 |
| 1979 | 18 | 21 | 14 | 6 | 6 | 14 |
| 1980 | 23 | 12 | 7 | 4 | 4 | 11 |
| JUMLAH | 83 | 55 | 44 | 19 | 19 | 49 |

Jumlah pesalah yang tidak dicatit dan jumlah orang bukan Islam seramai 199 orang.

* Termasuk pesalah yang sedang belajar iaitu seramai 22 orang pesalah perempuan dan 8 orang pesalah lelaki.

Selain dari mereka yang sudah mempunyai pekerjaan, pelajar-pelajar sekolah juga terlibat dalam jenayah ini. Tetapi tidak dapat dipastikan sama ada mereka juga sudah mempunyai pekerjaan atau belum. Maksudnya bagi mereka yang mungkin belajar di sekolah-sekolah swasta pada sebelah malam dan siang hari pula mereka bekerja.

Akhir sekali pesalah-pesalah yang dilaporkan tidak menyai apa-apa pekerjaan dan mereka juga tidak dapat ditentukan sama ada betul-betul tidak mempunyai pekerjaan seperti kerja-kerja persendirian ataupun mewang mempunyai pekerjaan tetapi sengaja mereka tidak menerangkan pekerjaan mereka supaya dengan itu akan menjadikan hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka tidak terlalu berat.

3.6 TARAF PERKAHWINAN PESALAH

Jenayah borsekedudukan seperti juga dengan jenayah-jenayah seks yang lain di mana ianya melibatkan semua golongan atau peringkat umur yang bukan caja terdiri dari golongan remaja atau muda yang belum pernah berkahwin, tetapi juga melibatkan mereka yang sudah janda dan duda ataupun mereka yang masih mempunyai isteri dan suami. Dengan kata lain mereka yang sudah berkahwin dan pernah berkahwin. Halahan mereka sudah beberapa kali berkahwin belum ditangkap kerana kesalahan borsekedudukan. Jikalau ramai golongan muda yang belum pernah berkahwin melakukan jenayah ini kita boleh membuat andaian bahawa ini mungkin disebabkan keinginan seks mereka adalah tinggi dan tidak dapat dikawal. Mereka juga mungkin belum dapat memikirkan dengan sempurna bahawa cara mereka melepaskan keinginan seks melalui borsekedudukan adalah buruk akibatnya.

Penglibatan orang-orang yang sudah dewasa dan telah berkahwin sepatutnya sedikit berbanding dengan mereka yang belum pernah berkahwin dengan andaian mereka telah dan pernah merasai hubungan seks dan sudah matang berfikir buruk baiknya perbuatan mereka.

Disebabkan oleh faktor inilah Agama Islam telah menetapkan hukuman yang lebih berat ke atas orang yang telah berkahwin dan melakukan zina iaitu dengan direjam sampai mati. Sebaliknya pula mereka yang belum pernah berkahwin, hukumannya lebih ringan iaitu disebat dengan 100 kali sebat. Apa yang didapati dari kajian yang dibuat ke atas jenayah bersekedudukan di Kelantan bahawa lebih ramai pesalah adalah terdiri dari mereka yang sudah berkahwin dan menikmati hubungan seks secara halal sama ada lelaki maupun perempuan. Lihat jadual di bawah.

JADUAL 7

TARAF PERKAHWINAN PESALAH

| PERKAHWINAN TAHUN | DUDA | JANDA | ADA ISTERI | ADA SUAMI | BELUM KAHWIN | |
|----------------------|------|-------|---------------|--------------|--------------|-----------|
| | | | | | Lelaki | Perempuan |
| 1977 | 10 | 22 | 7 | 6 | 12 | 18 |
| 1978 | 11 | 20 | 4 | 2 | 6 | 6 |
| 1979 | 9 | 18 | 4 | 2 | 9 | 5 |
| 1980 | 8 | 16 | 2 | 5 | 12 | 12 |
| JUMLAH | 38 | 76 | 17 | 15 | 39 | 41 |

Jumlah pesalah yang tidak dicatitkan taraf perkahwinannya dan jumlah pesalah bukan Islam seramai 274 orang lelaki dan perempuan.

Dari jadual dapat diperhatikan bahawa tidak separuh separuh dari kesemua pesalah lelaki dan perempuan yang dapat diketahui taraf perkahwinan mereka. Seperti yang telah dikatakan ramai pesalah terdiri dari mereka yang sudah berkahwin. Terdapat 18 kes di mana pesalah adalah terdiri dari bekas pasangan suami isteri yang telah bercerai dengan talak tiga. Mereka dianggap bersalah disebabkan oleh perbuatan mereka yang tinggal dan bersekedudukan semula dengan bekas isteri atau suaminya sebelum tamat tesoh edah si isteri.¹¹

Ada juga kes yang terjadi di mana pesalah masih lagi mempunyai isteri atau suami pada masa mereka melakukan kesalahan ini. Mereka terdiri dari 17 orang pesalah lelaki dan 15 orang pesalah perempuan. Kejadian seperti ini berlaku apabila terdapatnya kesespatan bagi seseorang pesalah untuk berlaku curang. Bagi kaum lelaki kecurangan ini lebih mudah untuk dilakukan disebabkan mereka lebih bebas dari kawalan keluarga dan isteri mereka. Tetapi bagi pesalah perempuan, mereka dapat berlaku curang apabila ada kesespatan tertentu atau masa yang sesuai saja dan tidak sehudah

¹¹ Lihat kes no. 29/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

orang lelaki untuk mereka berbuat demikian. Misalnya apabila ketiadaan suami mereka kerana urusan perniagaan, kerana tugas-tugas askar ataupun kerana bekerja sebagai buruh di Singapura.¹²

Telah dijelaskan dalam bab 2 bahawa tuduhan ke atas orang yang bersekedudukan ialah sebagai mencuba melakukan perestubuhan haran. Maksudnya mereka yang bersekedudukan belum lagi melakukan perestubuhan haran tetapi hanya setakat mencuba saja. Tapi jika dilihat pada jadual 8, ramai pesalah telahpun melakukan zina dan dari kajian ke atas fail-fail kes menunjukkan mereka dengan sukarela mengaku telah berzina secara suka sana suka sana ada pada masa mereka sedang bersekedudukan ataupun sebelumnya. Malahan perbuatan mereka dapat dilihat dengan jelas oleh pihak yang membuat penangkapan. Lebih serius lagi mereka melakukan zina sudah beberapa kali sebelum ditangkap sehingga tidak dapat mengingat bilaakah mereka melakukannya dan berapa kalikah mereka melakukan. Oleh sebab data yang terikumpul tidak lengkap seperti juga dengan data-data yang lain maka analisa yang agak tepat tidak dapat diperolehi.

¹² Dapat dilihat dalam salinan hadis surah al-Baqarah ayat 229 yang berkata: "Lalu jika dia yang dibuang tidak mengungsi dia akan mati".

¹² Lihat kes no. 40/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

JADUAL 8

JADUAL MENUNJUKKAN PESALAH YANG TELAH
BERZINA DAN YANG BELUM BERZINA SEMASA
SUDAH BERSEKEDUDUKAN ATAU SEDIKITNYA

| TAHUN | BELUM MELAKUKAN ZINA | SUDAH MELAKUKAN ZINA | TIADA CATITAN |
|--------|----------------------|----------------------|---------------|
| 1977 | 4 | 21 | 48 |
| 1978 | 3 | 18 | 42 |
| 1979 | 2 | 6 | 55 |
| 1980 | 2 | 11 | 40 |
| JUMLAH | 11 | 56 | 183 |

Catitan: Kajian ke atas persinaan ini hanya dimaksudkan kepada persinaan yang berlaku di antara satu pasangan lelaki dan perempuan yang sama-sama melakukan bersekedudukan. Tanya tidak bermaksud di antara seorang pesalah dengan orang lain yang tidak bersekedudukan dengannya yang mungkin berlaku di masa sebelum mereka ditangkap.

Dari jadual dapat dilihat lebih daripada separuh dari pada kesemua kes yang dikaji tidak mempunyai catitan sama ada pesalah telah melakukan zina atau tidak. Bagaimanapun ada juga sebahagian kecil pesalah yang mendakwa bahawa mereka belum lagi bersina semasa sedang bersekedudukan ataupun sebelumnya. Mereka

nengatakan bahwa mereka hanya sedang bercumbuan saja atau sedang berbusul-busal dan sebelum ditangkap pun mereka belum lagi melakukan zina.

BAB 4

HUKUMAN DAN POLA HUKUMAN KE ATAS KESALAHAN BERGERAKDUDUKAN

4.1 HUKUMAN

Terdapat beberapa kesalahan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. di dalam Quran dan Sunnah Rasul dengan hukuman qisas dan hudud atau had. Hukuman hudud telah ditentukan khusus ke atas kesalahan hudud menurut syariat Islam iaitu mencuri, merompak, berszina, menuduh berszina, minum arak dan murtad. Kesalahan mencuri hukumannya dipotong tangan, merompak juga dipotong tangan dan kaki serta dibuang negeri, berszina dengan hukuman sebat atau rojam, menuduh berszina dengan disebat 50 kali, minum arak dengan disebat 40 kali dan akhir sekali murtad dengan hukumannya dibunuh.

Istilah hudud bermaksud siksaan atau hukuman yang telah ditentukan oleh Allah dan wajib dilaksanakan sebagai meneguhkan hak Allah. Tanya berfungsi sebagai pencegah sebelum sesuatu jenayah itu berlaku dan untuk menimbulkan penyesalan kepada orang yang telah menerima hukuman itu. Jelasnya hukuman hudud wujud untuk mencegah jenayah bukannya setelah wujud jenayah. Perlaksanaan hukuman hudud bukan saja untuk melaksanakan perintah Allah tetapi juga bertujuan untuk menujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, bersosial tinggi, bersih dari segala ancaman ketakutan dan azam damai.

Satu lagi hukuman ialah qisas seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1. Hukuman ini dikhawasikan ke atas kesalahan membunuh dan mencederai orang lain dengan sengaja tanpa sebab-sebab yang tertentu untuk melakukannya.

Selain daripada hukuman yang ditetapkan oleh Allah, sejenis lagi hukuman iaitu hukuman takzir. Hukuman ini ditentukan oleh Kadi atau pemerintah mengikut budi bicaranya ke atas kesalahan-kesalahan yang tidak mempunyai peruntukan secara sama ada dari Al-Quran atau as-Sunnah. Hukuman hudud dan qisas buat masa sekarang belum lagi dikuatkuasaan di Mahkamah Syahshah Syariah di Malaysia. Oleh itu tulisan ini akan menumpukan perhatian kepada hukuman takzir sahaja sebagai bentuk hukuman yang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah sekarang.

Perkataan takzir adalah bersifat kebebasan dan menunjukkan kepada pengertian pengajaran. Ianya bererti sebagai pululan atau hukuman selain daripada hukuman yang ditetapkan oleh Allah dalam hukuman hudud dan qisas.¹ Dengan lain perkataan ialah hukuman terhadap kesalahan-kesalahan selain hudud dan qisas, atau hukuman ke atas kesalahan hudud atau qisas yang tidak memenuhi rukun-rukun dan syarat-syaratnya atau terdapat syubhat.

¹ Halinan S.H., Hukum Pidana Syari'at Islam, (Djakarta: Bulan Bintang, 1970), hal. 459.

Sifat kebebasan hukuman takzir bererti ianya bukanlah tertentu kepada pukulan atau sebat saja tetapi sungguh juga dengan hukuman taspar, nasihat, dipenjaraikan atau didenda. Seseorang Kadi pula bebas menentukan hukuman dengan ijtihadnya dan mempunyai wewenang untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang yang melakukan kesalahan yang tertentu.

Menurut penjelasan Tiebalan Kadi Besar Kelantan bahawa hukuman takzir adalah bertujuan untuk memberi pengajaran dan keinsafan. Diharapkan jika seseorang pesalah telah didenda dengan takzir maka ianya akan menjadi pengajaran supaya perbuatan yang ditegah tidak akan berulang lagi khususnya oleh pesalah itu sendiri dan masyarakat umumnya.

Dari pengertian di atas didapati ianya sudah bersamaan dengan apa yang terdapat di Mahkamah Syariah sekarang. Sungguhpun begitu hukuman takzir sekarang belum lagi mencapai kesepuasan. Ini disebabkan tidak adanya bentuk hukuman sebat, sedangkan hukuman sebat juga merupakan salah satu cara hukuman takzir. Walaupun takzir mengandungi berbagai cara hukuman tetapi hukuman sebat perlu bagi Mahkamah Syariah untuk menghukum pesalah yang bersalah zina dan seperti yang diketahui salah satu hukuman atas pensina ialah sebat.

Hukuman sebat dalam takzir telah ditentukan untuk pelaksanaan sebanyak tidak lebih daripada 10 kali sebat. Sabda Rasulullah yang bersakaud:

"Jangan kacu menjalankan sanksi atau hukuman takzir melebihi daripada 10 rotan (sebat) terkecuali daripada hukuman yang telah ditentukan oleh Allah".

Dari hadis ini boleh difahami bahawa hukuman takzir boleh dikenakan ke atas pesalah sehingga kepada 10 rotan dan seorang hakim boleh menghukum sebat seorang pesalah dengan sejumlah sebat yang tertentu mengikut pertimbangannya sahkan tidak melebihi daripada 10 kali sebat.

4.2 POLA-POLA HUKUMAN

Terdapat tiga bentuk hukuman takzir ke atas pesalah yang borsekodudukan iaitu hukuman denda dengan wang, penjara dan hukuman berkelakuan baik dalam tempoh yang tertentu dengan diikat jamin oleh penjaga si pesalah. Bagaimanapun semua hukuman itu terdapat had-had yang tertentu iaitu had yang paling rendah dan paling tinggi yang boleh dijatuhkan oleh seorang Kadi. Jumlah denda yang paling tinggi ialah \$1,000/- dan paling rendah ialah \$100/-. Sementara hukuman penjara yang paling lama ialah 6 bulan dan paling singkat sebulan. Untuk lebih jelas lihat Bab 2 di mana telah diperturunkan beberapa bab berkaitan dengan borsekodudukan dan hukumannya dari Buku Undang-Undang Nahlunah

Merujukan kepada bab-bab yang disebutkan itu, didapati satu cara hukuman saja yang harus dikenakan ke atas pesalah iaitu hukuman penjara atau denda. Ianya bererti seorang pesalah boleh menilih sama ada untuk membayar denda jika mampu dan jika tidak harus dipenjarakan. Sungguhpun begitu seorang lagi juga mempunyai kuasa untuk menetapkan hukuman ke atas pesalah dengan penjara saja tanpa denda dan satu lagi dengan hukuman penjara dan denda.

Denda ditambah satu lagi cara hukuman iaitu hukuman perintah berkelakuan maka terdapat sepat pola hukuman Nahkalah Syariah yang pernah dikenakan ke atas pesalah yang bersekedudukan. Antaranya:

- (a) Hukuman denda dan penjara.
- (b) Hukuman penjara saja.
- (c) Hukuman penjara atau denda.
- (d) Hukuman perintah berkelakuan baik dengan diikat jamin. Bab berkembar dengan hukuman ini belum diterangkan lagi sebelum ini dan akan diterangkan kemudian.

4.2.1 HUKUMAN DENDA DAN PENJARA

Walaupun tidak dijelaskan secara langsung dalam Buku Undang-Undang Nahkalah Syariah bentuk hukuman ini tetapi ada pesalah yang dihukum dengan denda dan penjara.

Hukuman ini merupakan yang paling berat pernah dikenakan ke atas pesalah. Dengan hukuman ini seseorang pesalah terpaksa membayar denda yang ditetapkan dan kerudian terpaksa pula menjalani hukuman penjara. Hanya seorang pesalah saja sepanjang kajian penalis yang telah dihadam dengan hukuman ini iaitu denda sebanyak \$1,000/- dan penjara selama 6 bulan.² Sekiranya denda tidak dapat dibayar seka hukuman penjara terpaksa dipanjangkan selama satu tahun.

Ada sebab-sebabnya mengapa pesalah tersebut telah dihukum dengan hukuman ini. Antaranya disebabkan pesalah itu adalah seorang pelacur dan sudah berap kali ditangkap kerana bersubhat dengan orang yang bersekodudukan. Ianya dituduh bersubhat kerana menjadikan rumah kepunyannya sebagai tempat kegiatan pelacuran dan bersekodudukan. Dengan kesalahan tersebut mungkin sudah wajar hukuman penjara dan denda dikenakan ke atasnya.

4.2.2 HUKUMAN PENJARA

Selain daripada hukuman di atas, satu lagi hukuman adalah penjara saja. Seramai 5 orang pesalah iaitu (3 lelaki dan 2 perempuan) telah dikenakan hukuman ini dan kesemua mereka telah diponjarakan selama 6 bulan. Hukuman ini dikenakan ke atas mereka disebabkan kesalahan yang dilakukan dianggap serius dan

² Lihat kes no. 18/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

melampaui batas. Dua orang pesalah telah tiga kali ditangkap dan dihukum tetapi masih melakukan kesalahan yang sama. Dua orang lagi telah bersekedudukan tanpa nikah dan hidup dalam naksiat selama 15 tahun. Sementara seorang pesalah telah bersekedudukan dengan saudara kandung sendiri. Oleh sebab kesesuaian pesalah di atas telah ditetapkan dengan hukuman penjara tanpa pilihan membayar denda maka terpaksa mereka nonjalani hukuman penjara sekalipun dapat membayar denda jika diberi pilihan.

4.2.3 HUKUMAN DENDA ATAU PENJARA

Hukuman ini lebih ringan jika dibandingkan dengan dua hukuman di atas. Ini disebabkan seseorang yang bersalah mempunyai peluang untuk membayar denda jika tidak mahu dipenjara. Akan tetapi jika denda tidak dapat dibayar maka tidak ada pilihan lagi bagi mereka selain dari dihukum penjara. Walau bagaimanapun mereka yang sedang menjalani hukuman penjara masih boleh dilepaskan dari penjara sebelum tamat tempohnya jika mereka dapat membayar denda yang tertentu jumlahnya sebagai ganti tempoh penjara yang dipendekkan.

Dari kes-kes yang dikaji didapati kebanyakan pesalah memilih hukuman denda jika diberi pilihan antara denda dan penjara kecuali mereka yang telah ditetapkan dengan satu-satu hukuman. Keadaan ini disebabkan jumlah denda \$1,000/- bukanlah merupakan satu jumlah yang besar terutamanya kepada pesalah yang mempunyai pekerjaan dewasa ini bahkan satu jumlah yang kecil

secara relatifnya jika dibandingkan dengan masa-masa sebelumnya terutama dari segi nilainya. Lebih-lebih lagi untuk mendapatkan sejumlah yang tersebut agak lebih senang sekarang kerana terdapat banyak punca pendapatan dan pekerjaan yang boleh dibuat oleh pesalah. Walaham walaupun seseorang pesalah berpendapatan kecil dan tidak ada apa-apa pekerjaan atau masih belajar sekalipun akan berikhtiar membayar denda untuk mengelakkan dari merongkok di penjara. Ditambah pula hukuman yang dikenakan tidak senestinya tetep \$1,000/- tetapi banyak daripadanya kurang dari jumlah itu yang mana ianya bergantung kepada pertimbangan seseorang Kadi yang menimbangkan berdasarkan kepada beberapa faktor tertentu pula.

Tidak ada sebab-sebab yang diberikan sama ada dari buku Undang-Undang Nahlazah Syariah atau fail-fail kes mengapa hukuman denda atau penjara dikonakan ke atas pesalah. Cum aja yang dapat diperhatikan dari buku undang-undang iaitu seseorang yang bersalah melakukan bersekedudukan akan dihukum dengan denda atau penjara. Dari penelitian ke atas fail kes pula didapati hukuman ini merupakan satu hukuman yang biasa dan terbanyak pernah dikenakan kepada pesalah sama ada kesalahan yang dilakukan adalah serius atau tidak. Misalnya ada kesalahan yang dianggap serius kerana pesalahnya adalah seorang pelacur tetapi menerima hukuman yang mana bentuknya dengan hukuman ke atas kesalahan yang tidak melibatkan pelacur yang mana hukumannya ialah denda atau penjara. Bagaimanapun kesalahan yang dikatakan serius tadi tidaklah pula

terlampaui serius seperti kesalahan-kesalahan sebelum ini yang telah ditetapkan dengan hukuman penjara dan denda atau hukuman penjara saja.

Ketiga-tiga ciri hukuman di atas walaupun seumpama sebab-sebab tertentu mengapa ia itu dikenakan oleh seseorang Kadi ke atas pesalah-pesalah yang tertentu, tetapi tidak terdapat sebab-sebab yang khusus yang boleh menjadi panduan dan baku ukur bagi seseorang Kadi untuk menetapkan hukuman ke atas pesalah-sastra ada untuk menghukum dengan 'penjara' saja atau 'penjara dan denda' atau penjara atau denda'.

4.2.4 HUKUMAN BERKLAKUAN BAIK

Satu lagi ciri hukuman takzir Nahkalah Syariah ke atas kesalahan bersekodudukan ialah menasihati dan menerintah seseorang pesalah supaya berkelakuan baik selama tempoh yang tertentu dengan dijamin oleh penjaganya. Jaminan boleh dibuat dengan wang ataupun dengan barang-barang yang bernilai seperti barang kennas dan goran tanah untuk memastikan perintah tadi dipatuhi. Bab 34 dari Buku Undang-Undang Nahkalah Syariah telah menerangkan perintah ini.

"Sebagai ganti hukuman salah seorang maka nahkalah bolehlah memberi amaran dan melepaskan sebagai ganti daripada menghukum orang yang didapati salah, nahkalah bolehlah menerintah dibenarkan ikat jamin untuk berkelakuan baik bagi tempoh yang tak lebih daripada

setahun dan bolehlah menerima ikat jamin bagi man-

mana jumlah wang dengan atau dengan tidak penjamin

atau wang cagaran. Apabila terbukti bahawa man-mana

syarat ikat jamin difahamkan maka sebaiknya bolehlah

memerintah supaya ianya dikuatkusakan seolah-olah

jumlah wang itu dikenakan sebagai denda. Rayuan boleh

dibuat daripada perintah ini".

Walaupun seseorang pesalah hanya diberi amaran tetapi

perintah berkelakuan baik dan wang jominan dapat juga dianggap

sebagai hukuman. Tempoh masa untuk seseorang pesalah berkelakuan

baik pula ditetapkan tidak lebih daripada setahun. Apabila tamat

tempoh perintah berkelakuan baik, bolehlah wang atau barang-

barang cagaran dituntut balik oleh penjaga si pesalah.

Hukuman ini tidak seperti hukuman sebelumnya, sebab

terdapat sebab-sebab tertentu yang khusus untuk membolehkan

seseorang Kadi menjeratkan hukuman ini ke atas pesalah. Antara

sebabnya ialah apabila pesalah seorang yang belum capai usia dan

noreka tetap akan menerima hukuman ini sekalipun kesalahan yang

noreka lakukan dianggap serius.

Desikian di antara ciri-ciri hukuman takmir ke atas

jenayah bersekutukan yang berkuatkuasa sekarang di Kelantan

dan Malaysia umumnya.

4.3 SEBAB-SEBAB PERBEZAAN HUKUMAN

Banyak kecalahan mempunyai keadaan dan sifat-sifat yang berbeza dengan kesalahan yang lain. Dengan itu hukuman ke atas pesalah juga berbeza iaitu ada pesalah yang menerima hukuman berat dan ada pula yang menerima hukuman ringan. Sifat dan keadaan inilah yang selalunya menjadi bahan pertimbangan oleh seorang Kadi dalam menetapkan hukuman. Seorang Kadi pula mempunyai cara pertimbangan sendiri yang berbeza antara satu sama lain. Oleh sebab itu berlainan Kadi akan menyebabkan berlainan pula hukuman di antara satu kes dengan yang lain walaupun kadang-kadang kes itu sama sahaja segi fakta dan sifat kesalahannya.

Seorang Kadi akan bertindak mengikut kebijaksanaannya sendiri dalam menjatuhkan hukuman supaya ia bersesuaian dengan kesalahan. Dalam bulu undang-undang telah ditetapkan bentuk dan jumlah hukuman dari yang paling minimum kepada yang paling maksima. Tetapi jumlah itu adalah had-had yang umum. Maksudnya setiap keputusan hukum oleh Kadi tidak boleh kurang atau lebih daripada yang telah ditetapkan. Oleh sebab itu perbezaan Kadi merupakan sebab-sebab asas mengapa hukuman berbeza. Di Kelantan sebagai contohnya hukuman oleh Kadi Besar berbeza dengan timbalannya. Para pekerja di mahkamah Kadi tersebut menganggap hukuman dari Kadi Besar lebih berat daripada timbalannya yang lebih ringan dan bertimbang rasa walaupun kesalahannya agak sama.

Berdasarkan pengalaman penulis ketika senghadiri perbicaraan yang dilakukan oleh Kadi Besar, anggapan mereka memang ada kebenarannya. Kesemuas pesalah dari 10 kes yang diadilinya telah dihukum lebih daripada 5 bulan penjara atau denda lebih daripada 5500/- pada hal pesalah tersebut telahpun diberi pertimbangan yang seujarnya berdasarkan dari kesalahan yang pertama dan atau pendapatan yang kecil.³

Tisbalan Kadi Besar sendiri setelah ditanya pendapatnya, telah mengakui bahawa berlainan Kadi akan menyebabkan berlainan hukuman disebabkan setiap Kadi mempunyai cara pertimbangannya sendiri serta perasaan mesing-masing ketika melakukan perbicaraan. Misalnya Kadi Besar tersangat marah kepada pesalah perespuan yang bekerja di kilang seperti 'Kilang Berlian' dan pelayan 'bar' atau 'coffee house'. Pekerja kilang berlian, katanya telah beberapa kali dilihat berkelakuan kurang sopan sambil bergurau senda dan gelak ketawa dengan teman lelakinya tanpa menghiraukan orang ramai yang melihatnya.

Pelayan 'coffee house' pula mengikut beliau besar kemungkinan memainkan peranan yang lebih sehingga menyebabkan jenayah bersekodudukan berlaku. Merokalah yang mungkin menunjuk kepada kesalahan yang berlaku. Dalam perkara ini, Kadi Besar

³Lihat kes no. 27/1981, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

lelaki yang akan ditempatnya untuk melakukan sesuatu yang ditengah sehingga menyeret mereka ke lembah maksiat. Begitu juga dengan Timbalan Kadi Besar yang mungkin mempunyai sebab-sebab lain pula yang boleh menimbulkan komorahannya.

Perbezaan pandangan yang berbagai ini menimbulkan satu masalah untuk mengetahui seul-seul yang dipertimbangkan secara lebih tepat supaya dengan itu dapat pula diketahui faktor yang membentuk hukuman sama ada berat atau ringan.

Sungguhpun demikian dapat juga diketahui faktor-faktor tersebut yang pada kebiasaannya menjadi pertimbangan setiap Kadi dalam membuat keputusan hukum dan secara tidak langsung telah pun dijelaskan ketika membincangkan ciri-ciri hukuman sebelum ini.

4.3.1 FAKTOR YANG MENDAHKAN HUKUMAN BERAT

a. KEKRAPAN

Terdapat dua jenis kekerapan. Pertamanya kekerapan melakukan perestubuhan haran berdasarkan pengakuan pesalah sendiri dan keduanya kerap atau pernah ditangkap sebelumnya atas kesalahan yang sama atau kerana berhalat ataupun kerana berhubungan. Kekerapan ini pula disebabkan seseorang pecalah adalah pelacur ataupun bukan pelacur tetapi telah lama berasekedudukan dan tinggal tanpa perkalinan yang sah. Dengan itu sudah beberapa lama mereka melakukan perestubuhan haran. Jadi terdapat empat keadaan yang dianggap kekerapan.

- (i) Melibatkan pelacur yang pernah ditangkap beberapa kali sebelum kesalahan yang terakhir.⁴
- (ii) Disebabkan pesalah adalah pelacur tetapi baru pertama kali ditangkap.⁵
- (iii) Bukan melibatkan pelacur tetapi beberapa kali melakukan persetubuhan haran dan malahan tinggal bersama seperti suami isteri tanda nikah.⁶
- (iv) Bukan melibatkan pelacur dan belum pernah ditangkap tetapi sudah banyak kali melakukan persetubuhan haran walaupun tidak tinggal bersama seperti suami isteri.⁷

Kesemua pesalah yang terdiri dari pelacur telah menerima hukuman berat misalkan beberapa orang darinya telah dikenjarakan terus atau kodu-dua sekali denda dan penjara seperti yang dijelaskan sebelum ini.⁸ Yang lainnya telah dihukum denda RM1,000/-

⁴ Lihat kes no. 42/1977; kes no. 70/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁵ Lihat kes no. 2/1978; kes no. 68/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁶ Lihat kes no. 30/1978; kes no. 35/1978, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁷ Lihat kes no. 27/1977; kes no. 3/1978, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

⁸ Lihat kes no. 18/1977, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

atau 6 bulan penjara dan hanya seorang saja daripada mereka yang dihukum lebih ringan daripada yang lain iaitu denda sebanyak \$800/- atau 6 bulan penjara.⁹

Kes-kes yang berkait dengan kekerapan tetapi tidak melibatkan pelacur juga berat hukumannya. Disebabkan oleh perbuatan mereka sangat terkutuk seperti tinggal bersama tanpa perkahwinan yang sah dan ada di antara mereka telah mengandung dan melahirkan anak di luar nikah¹⁰ maka sudah sewajarnya hukuman berat dikenakan ke atas mereka. Seramai 63 orang pesalah lolak dan perempuan yang berkait dengan empat faktor kekerapan di atas telah dihukum berat iaitu tidak kurang daripada \$500/- atau 5 bulan penjara.

b. BERSEKEDUDUKAN DENGAN ORANG BUKAN ISLAM

Faktor penglibatan dengan orang bukan Islam juga menjadikan hukuman berat. Sejumlah 25 orang pesalah yang beragama Islam daripada 31 pesalah yang terlibat dengan orang bukan Islam telah dihukum tidak kurang daripada \$400/- denda atau 4 bulan penjara. Ditambah pula apabila pesalah yang beragama Islam terdiri dari pelacur-pelacur, maka hukumannya akan lebih berat lagi

⁹ Lihat kes no. 62/1980, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

¹⁰ Lihat kes no. 16/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

disebabkan pertamanya mereka adalah pelacur dan keduanya melakukan kesalahan dengan orang bukan Islam.

Dalam setengah kes didapati sengaja pihak pendakwa meminta kepada Kadi supaya mengenakan hukuman yang berat ke atas pesalah tadi kerana berosahat dengan orang bukan Islam.¹¹ Penglibatan dengan orang bukan Islam selalu dipandang berat oleh Kadi disebabkan perbuatan cedekian boleh menyalahkan masyarakat Islam dan mencemarkan Agama Islam. Mereka bukan saja sanggup melakukan perbuatan yang dikutuk oleh Allah s.w.t. tetapi juga sanggup menjual maruah kepada orang bukan Islam.

c. BURSAKEDUDUKAN DENGAN MUHRIM

Terdapat dua kes di mana pesalah terdiri dari mereka yang bermuhrim dan tidak sah untuk berkahwin disebabkan oleh pertalian darah dan keluarga. Salah satu darinya berlaku antara datuk dan cucu tirinya dan satu lagi antara saudara kandung seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Berkenaan dengan pesalah yang terdiri dari adik beradik, didapati pihak lelaki saja yang dihukum berat dengan 6 bulan penjara nonandangkan beliau adalah abang kepada perempuan dan usurnya pun sudah melebihi daripada 17 tahun.¹²

¹¹ Lihat kes no. 31/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

¹² Lihat kes no. 21/1978, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

4.3.2 FAKTOR YANG MENGURANGKAN HUKUMAN

Kes-kes selain daripada kes yang bersebabkan dari keadaan atau sebab-sebab yang telah dinyatakan tadi, kadar hukumannya adalah lebih ringan disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Faktor-faktor ini merupakan alasan oleh pesalah ketika membuat rayuan. Kesemuanya alasan dikumpulkan menjadi satu faktor iaitu Rayuan.

a. FAKTOR RAYUAN

Terdapat beberapa alasan rayuan. Antaranya ialah:-

- (i) Sebab kesalahan yang pertama.
- (ii) Pendapatan yang kecil disebabkan oleh tidak ada pekerjaan ataupun hanya membuat kerja-kerja lepas-pung.
- (iii) Mempunyai tanggungan seperti anak, adik beradik atau ibubapa.
- (iv) Sebab sudah menyesal.
- (v) Masih berasekolah.
- (vi) Sebab sudah berkahwin ataupun mahu berkahwin dengan pasangan yang melakukan kesalahan dengannya.

(vii) Sebab belum melakukan persetubuhan haran sebelum atau semasa dibuat penangkapan.

Dalam setiap perbicaraan, sebelum sesuatu keputusan hukuman dijatuhkan, setiap pesalah akan diberi peluang untuk merayu dan memberi sebab-sebab rayuannya jika mereka mahu. Dari alasan rayuan inilah seseorang Kadi akan memberikan pertimbangan terakhirnya berdasarkan kewajaran alasan yang diberi.

Setelah diteliti kesemuanya 250 kes, terdapat sebanyak 101 kes di mana pesalahnya merayu dan hukumannya lebih rendah iaitu kurang daripada RM400 dendanya atau penjara kurang daripada 4 bulan. Tetapi seseorang pesalah akan dipertimbangkan rayuannya jika ia nya tidak terlibat dengan faktor kekerapan dan orang bukan Islam. Sebabnya seorang Kadi tidak akan memberi pertimbangan kepada rayuan misalnya daripada pelacur ataupun dari pesalah yang sudah kerop ditangkap walau apapun alasannya.

Banyak kes di mana pesalah telah membuat rayuan tetapi hukuman tetap tinggi kerana sebab-sebab yang tersebut. Misalnya, walaupun kesalahannya adalah kali yang pertama tetapi disebabkan mereka terlibat dengan orang bukan Islam maka hukumannya adalah didenda RM1000/- atau 6 bulan penjara.¹²

¹² Lihat kes no. 43/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Dalam satu-satu kes mungkin terdapat gabungan beberapa alasan ataupun hanya satu alasan saja. Bagaimanapun terdapat juga beberapa kekecualian dalam kes rayuan di mana tidak ada rayuan yang dibuat oleh pesalah tetapi hukumannya masih juga rendah.¹⁴ Kekecualian tersebut terserahlah kepada seseorang Kadi kerana satu kes atau pesalah yang dijatuhkan hukuman pada hari ini mungkin berbeza pula hukumannya dengan pesalah yang lain di mana akan datang walaupun mungkin kesnya adalah serupa.

b. BELUM SAMPAI UMUR

Faktor umur juga menjadikan hukuman ringan. Antara pesalah-pesalah yang paling ringan pernah dihukum ialah mereka yang belum sampai umur. Mereka tidak dikenakan hukuman denda ataupun penjara seperti pesalah yang sampai umur atau yang berumur lebih daripada 17 tahun, tidak kira perbuatan yang mereka lakukan sangat dipandang berat atau tidak. Misalnya kejadian yang berlaku di antara dua saudara kandung dan telah beberapa kali melakukan zina sebelum ditangkap.

Walaupun kesalahan mereka sangat dipandang berat tetapi hukuman ke atas pesalah perespuan hanya dengan menerima supaya berkelakuan baik selama 6 bulan dengan jaminan sebanyak \$1,000/- saja menandangkan pesalah itu belum sampai umur lagi.

¹⁴ Lihat kes no. 9/1979, Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Seramai 8 orang daripada keseluruhan pesalah yang dilajui dikatakan belus lagi sejak usur dan dengan itu hukumannya hanya diperintah berkelakuan baik selama satu tempoh tidak lebih daripada setahun serta diikat jamin tidak lebih daripada \$1,000/- . Sebaliknya semua pesalah yang sudah sampai usur tetap akan menerima hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali, sama ada kesalahan yang mereka lakukan berat atau tidak. Bagi golongan ini usur sudah tidak menjadi faktor pertimbangan lagi oleh seorang Kadi sama ada untuk menjatuhkan hukuman berkelakuan baik atau tidak. Cuma, apa yang mungkin dipertimbangkan ialah jumlah denda dan tempoh penjara supaya lebih ringan.

Untuk mendapatkan suatu gambaran yang jelas berkongsen dengan sebab-sebab yang menentukan perbezaan hukuman agak sukar juga. Ini disebabkan faktor pertimbangan yang sebenarnya dari seseorang Kadi tidak dapat diketahui dengan jelas. Misalnya ada pesalah yang bersekodudukan dengan orang bukan Islam, menerima hukuman yang lebih ringan dan tidak berpatutan jika dibandingkan dengan kesalahan yang dilakukannya. Sedangkan pesalah lain, yang juga bersekodudukan dengan orang bukan Islam dan fakta-fakta kesalahannya juga lebih kurang sama tetapi hukuman lebih berat.

Kesultanan ini ditambah pula dengan berlainan Kadi maka cara dan faktor-faktor pertimbangan juga akan berlainan. Kecualian sebab-sebab dan faktor pertimbangan yang tertentu telah menjadi kelaziman bagi semua Kadi untuk menentukan hukuman.

4.4 ADAKAH HUKUMAN MENGEMBINKAN TEORI

Sebelum ini penulis telah menjelaskan bahawa hukuman yang dilaksanakan sekarang oleh Mahkamah Syariah ke atas kesalahan borsekedudukan ialah hukuman takzir. Hukuman ini merupakan salah satu dari hukuman dalam syariat Islam selain dari hukuman hudud dan qisas.

Hukuman takzir walaupun bergantung kepada seorang Kadi atau hakim untuk menentukan jenis hukuman dan kadarnya tetapi ianya merupakan hukum yang berasal dari Sunnah Rasul (lihat hadis Nabi di mulai surat 82). Oleh sebab ajaran yang datang dari Rasulullah merupakan perintah Allah maka hukuman takzir juga merupakan suruhan Allah dan bukannya dicipta oleh manusia semata-mata.

Berbeza dengan teori-teori penghukum seperti hukuman pembalasan dan lain-lain yang diterangkan sebelum ini kerana ia-nya adalah ciptaan manusia semata-mata. Mereka yang dimaksudkan adalah orang-orang di negara Barat yang bukannya beragama Islam. Oleh sebab itu hukuman hudud dan qisas yang jelas datang dari Allah tidak dapat dibuat perbandingan dengan hukuman ciptaan manusia. Bagi orang yang tidak beragama Islam atau anti kepada Islam tidak akan dapat menerima hukuman dalam Islam yang mungkin dianggap tidak menasabah atau kejam. Tetapi sebenarnya hukuman tersebut mengandungi hikmat yang tertentu mengapa ianya ditentukan demikian oleh Allah.

Sungguhpun demikian hukuman qisas pada kesalahan yang tertentu mempunyai persamaan dengan prinsip hukuman pembalasan ciptaan manusia iaitu dari segi hukumannya. Persamaannya ialah hukuman dikenakan sama dengan kesalahan yang dilakukan. Walaupun kedua-duanya mempunyai cara pembalasan yang sama tetapi hukuman qisas hanya tertentu kepada kesalahan membunuh dan mencederakau orang lain dengan sengaja dan tanpa sebab yang membolahkan untuk melakukan demikian. Sedangkan prinsip hukum pembalasan sebagai prinsip yang tertua yang sekarang ini tidak digunakan lagi oleh kebanyakan negara, dikenakan ke atas semua kesalahan sebagai membales dendam atau hukuman balas. Dan bagi ahli-ahli teori baru cara ini dianggap sebagai sudah lapuk dan berlaku besi.

Tiga teori penghukuman yang dijelaskan sebelum ini merupakan hukuman moden ciptaan manusia. Bagaimanapun hukuman takzir yang dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah sedikit sebanyak mencerminkan juga teori yang dikemukakan itu misalnya dari segi cara menghukum, tujuan menghukum dan pihak yang bertanggungjawab menghukumnya.

Harus dinyatakan di sini bahawa cara hukuman takzir tidak menyamai cara hukuman mengikut prinsip pembalasan atau 'retribution'. Sebabnya, mengikut prinsip pembalasan seseorang pesalah mestilah menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Sedangkan dalam takzir pula tidak ada prinsip hukuman yang setimpal.

Sementara itu cara menghukum dalam prinsip pertahanan sosial dan 'utilitarian' mempunyai ciri persamaan dengan hukuman takdir di mana ianya tidak terikat dengan tujuan untuk memberikan pembalasan yang setimpal dengan kesalahan. Tidak ada cara hukuman yang setimpal yang patut diberikan ke atas kesalahan bersekedudukan. Sebab itu hukuman ke atas orang yang bersekedudukan hanya penjara dan denda sahaja.

Bagi ahli-ahli penghukuman mengikut prinsip pertahanan sosial dan 'utilitarian' mungkin terdapat berbagai bentuk hukuman ke atas satu-satu kesalahan dan bergantunglah kepada kesesuaian dengan kesalahan yang dilakukan. Jadi pada asasnya hukuman takdir, hukuman mengikut prinsip pertahanan sosial dan prinsip 'utilitarian' mempunyai persamaan herona dalam melaksanakan hukuman ianya tidak ada tujuan pembalasan jika dibandingkan dengan prinsip hukuman pembalasan.

Jika diteliti pada tujuan perlaksanaan hukuman takdir dan prinsip-prinsip hukuman nonden atau apa cara hukuman sekali-pun, pengenaan hukuman adalah untuk membasi jenayah di samping untuk mendatangkan kebaikan kepada pesalah dan masyarakat. Dengan tidak ada atau berkurangnya kejadian jenayah maka ianya bererti tidak ada lagi penjenayah dan masyarakat akan terkawal. Hukuman diharap akan menjadi salah satu cara pengubatan ke atas pesalah dan dapat memberi pengajaran kepada mereka supaya sedar dan inoaf serta tidak akan melakukan jenayah lagi.

Hukuman taksir walaupun melibatkan 'social law' iaitu perlaksanaannya disebabkan untuk menegakkan peraturan undang-undang tetapi yang sebenarnya ia lebih mementingkan 'social order' atau peraturan sosial yang baik yang boleh ditimbulkan oleh penghukuman. Hal ini menyamai prinsip pertahanan sosial dan 'utilitarian' yang juga mementingkan peraturan dan pembaharuan sosial. Pembaharuan seperti dalam bidang sosial, politik dan ekonomi juga mengikut mereka boleh mengurangkan jenayah kerana tidak dapat dinafikan kejadian jenayah adalah hasil dari kepincangan perkara ini. Jadi unsur-unsur moral dan ketakutan pada pemerintah sama-sama dipentingkan sana ada oleh hukuman taksir atau oleh prinsip pertahanan sosial.

Hukuman secara pembalasan juga mempunyai tujuan untuk menghapuskan jenayah. Tetapi menurut dakwaan ahli-ahli teori penghukuman pembalasan, pengenaan hukuman adalah bertujuan untuk membala seseorang penjenayah kerana melakukan kesalahan. Begi mereka setiap kesalahan mestilah dihukum kerana innya merupakan suatu kesalahan. Oleh itu unsur-unsur moral dan kemanusiaan tidak dipentingkan oleh mereka.

Untuk menguatkuasakan undang-undang dan melaksanakan hukuman taksir, peruntukan kuasa telah diberikan pada Mahkamah Syariah sebagai satu institusi bagi pihak kerajaan. Jadi kerajaanlah yang bertanggungjawab melaksanakan hukuman. Begitu juga dengan ahli-ahli teori penghukuman moden mengatakan pemerintah

mempunyai hak dalam menguruskan perlaksanaan hukuman ke atas penjenayah. Jika kerajaan tidak memainkan peranan, mungkin akan timbul kacau bilau dan dendam mendam. Kerajaan juga menjadi wakil kepada rakyat. Tetapi pendokong-pendokong prinsip 'utilitarian' menambahkan lagi bahawa tugas kerajaan iaitu sebagai pembayar ganti rugi kepada mangsa penjenayah. Dalam undang-undang Nahlcamah Syarish sekarang khusus terhadap bersekedudukan tidak ada ganti rugi yang harus diberikan kepada mangsa kerana sebenarnya tidak ada pihak yang menjadi mangsa dalam kesalahan ini. Ianya berlaku dari kerelaan kedua-dua pihak yang terlibat.

Untuk menuduh seseorang sebagai bersalah melakukan bersekedudukan dan seterusnya dikenakan hukuman takzir menerukan seseorang itu benar-benar terbukti bersalah. Bukti yang dapat diperolehi dari pengintipan atau pun dari pengakuan mereka saja. Di sini ianya menyamai prinsip penghukuman penbalasan dan lain prinsip penghukuman di mana hukuman timbal balik misalnya tidak akan adil jika tidak terbukti bahawa pesalah benar-benar melakukan kesalahan.

4.5 KISAH PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN HUKUMAN

Setiap hukuman melalui apa cara sekalipun sememangnya mempunyai tujuan yang tertentu disebalik perlaksanaannya. Kepada pesalah diharapkan akan insaf setelah menerima ganjaran hukuman dan seterusnya tidak akan melakukan kesalahan lagi di masa-masa yang akan datang. Dalam kontek ini penulis hanya akan menutupkan

kesan terhadap jenayah bersekutukan saja dan bukannya pada jenayah lain.

4.5.1 KESAN KE ATAS PESALAH

Berkesan atau tidak pengenaan hukuman sekarang boleh dengan senang dapat dinilaikan dengan berdasarkan kepada pengulangan perbuatan yang sama oleh pesalah iaitu apakah ada masih melakukan perbuatan itu lagi atau tidak setelah dihukum pada kali pertamanya.

Jika kita menoliti secara kasar dari apa yang dapat diketahui dari fail-fail kos maka kita boleh menganggap bahawa hukuman telah memberi kesan yang baik kepada nakhrah dan pesalah. Apa yang menyebabkan penulis berpendapat demikian ialah berdasarkan pada jumlah pesalah yang dapat ditangkap setelah mengulangi lagi kesalahan adalah sedikit jumlahnya. Dari keseluruhan pesalah hanya 16 orang pesalah perempuan dan 6 orang pesalah lelaki yang melakukan kesalahan lebih daripada sekali. Ini bermakna mereka telah beberapa kali dihukum tapi masih tidak serik dan insaf.

Berdasarkan jumlah ini seolah-olah menampakkan kepada kita bahawa pesalah lain, selain daripada beberapa orang di atas tidak melakukan kesalahan lagi setelah dihukum. Dan ianya sekali imbas membuktikan pula hukuman yang dijatuhkan kepada mereka telah memberikan kesan yang baik.

Tetapi harus diingat bahawa kita tidak pula mengetahui bahawa mungkin ramai lagi mereka yang telah mengulangi lagi kesalahan yang sama beberapa kali setelah dihukum. Cuma untuk mengatakan mereka melakukan demikian secara pasti adalah tidak mungkin kerana tidak ada bukti dan mereka tidak dapat diketahui dan ditangkap.

Pada pendapat penulis, perlaksanaan hukuman sekarang tidak memberikan kesan yang baik dalam erti kata pesalah tidak mengulangi kesalahan lagi. Tidak difikirkan bahawa mungkin ada setengah-setengah pesalah yang betul-betul insaf. Tetapi kesungkinan ramai pesalah yang telah melakukan kesalahan lagi adalah lebih besar, terutamanya pelacur-pelacur kerana perbuatan mereka itu sudah merupakan satu pekerjaan untuk mendapatkan wang.

Hukuman ke atas pesalah yang bersekedudukan adalah kecil secara perbandingannya dengan hukuman ke atas jenayah lain seperti merompak, membunuh, merogol dan lain-lain. Hukuman denda maksima sekadar \$1,000/- dan penjara 6 bulan tidak akan menimbulkan kesan kejiwaan atau penyesselan yang mendalam. Ditambah pula pesalah boleh memilih antara hukuman denda atau penjara. Malahan pelacur misalnya yang telah didenda dengan berat, masih sanggup mengulangi lagi kesalahannya.

4.5.2 KESAN KE ATAS MASYARAKAT

Penggunaan hukuman bukan saja untuk memberikan kesan positif kepada pesalah yang melakukan borsekedudukan tetapi juga diharapkan masyarakat yang belum melakukan kesalahan, juga akan sedar dan takut untuk turut melakukannya. Keberkesanan hukuman ke atas masyarakat juga boleh dilihat dari dua segi seperti juga ke atas pesalah.

Secara kasar jika dilihat pada sumber yang tercatit, seseorang boleh mengatakan hukuman telah memberikan kesan pada masyarakat. Ini disebabkan jumlah pesalah yang ditangkap makin berkurangan dari setahun ke setahun walaupun kadarnya adalah sedikit. Kadi juga berpendapat bahawa jenayah ini telah berkurangan akibat dari tindakan pihak yang berwajib. Masyarakat mungkin sedar akan dosa akibat dari melakukan zina ataupun takut menerima hukuman seperti yang telah dikenakan ke atas pesalah-pesalah sebelumnya.

Bermacamapun Kadi mungkin melihat dari pandangan luar saja iaitu melihat pada pengurangan jumlah tangkapan dan tanpa melihat kejadian yang sebenar di luar pengetahuan orang ramai. Oleh sebab perbuatan borsekedudukan adalah satu perbuatan yang ditegah oleh masyarakat Melayu dan Agama Islam maka orang yang melakukannya terutama yang beragama Islam akan melakukan secara lebih tersembunyi lagi agar selamat. Ini akan menyukarkan lagi pihak Majlis Agama untuk mengesan dan menangkap mereka.

Dengan itu tidak mungkin pendapat dan andaian bahawa hukuman sebenarnya, memberi kesan kepada masyarakat adalah betul dan tepat lagi pun jika kita bersandarkan kepada jumlah tangkapan sekalipun, pengurungan jenayah ini tidak seberapa. Apatah lagi dengan mereka yang tidak dapat ditangkap mungkin jumlahnya berbanda lagi.

4.5.3 KINSAN KE ATAS INSTITUSI MAHKAMAH

Mahkamah Syariah ialah sebuah institusi yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dan hukuman ke atas jenayah bersekodudukan. Setelah Mahkamah Sivil tidak berminal untuk membicarakan kesalahan bersekodudukan kerana dianggapnya bukan jenayah maka ianya diserahkan kepada Mahkamah Syariah.

Sebagai mahkamah yang statusnya lebih rendah dari Mahkamah Sivil serta terletak di bawah Majlis Agama tiap-tiap negeri maka pengurusan dan pentadbiran dalam menguatkuasakan undang-undang dan hukuman adalah tidak teratur jika dibanding dengan Mahkamah Sivil. Proses pembuktian misalnya tidak dapat membuktikan seseorang yang bersina sebagai pesalah melakukan sina. Setengah pesalah yang berjaya melepaskan diri yula akan terlepas dari menghadapi perbicaraan dan hukuman.

Pesalah lebih serasa malu kepada keluarga mereka dan orang ramai yang mungkin mengetahui perbuntan mereka daripada takutkan hukuman yang akan dijatuhkan oleh Kadi. Beberapa orang pesalah dan keluarganya yang sedang menunggu waktunya perbicaraan

telah memberitahu penulis yang mereka tidak bimbang dengan hukuman yang akan dijatuhkan setelah mengetahui jumlah hukuman denda dan penjara sebelumnya dari orang-orang yang mengetahui. Apa yang membimbangi mereka ialah jika diketahui oleh orang ramai dan mereka akan dikenali.

Oleh sebab itu penghormatan pesalah dan masyarakat adalah rendah terhadap kewibawaan Mahkamah Syariah daripada Mahkamah Sivil, bersebab dari penguatkuasaan undang-undang dan hukuman sekarang. Dengan itu tujuan yang inin dicapai untuk mengurang dan menghapus jenayah bersekutukan tidak diperolehi. Selagi pentadbiran proses penangkapan, pembuktian, bentuk hukuman tidak diperbaiki maka selagi itu usaha yang berkesan oleh Mahkamah Syariah dalam menjalankan perannya serta untuk dihormati tidak akan berjaya.

Kesimpulan kesan hukuman dan perlaksanaan undang-undang oleh Mahkamah Syariah sama ada ke atas pesalah atau masyarakat tidak dapat dinilai dengan tepat. Sebabnya untuk menilai dengan hanya berdasarkan jumlah tangkapan saja maka iaanya tidak akan memberi gambaran sebenar. Bagaimanapun bagi penulis, hukuman sekarang tidak memberi kesan walaupun kejadian sebenar jenayah ini termasuk yang dilakukan secara terselubungi tidak dapat diketahui.

Alasannya hukuman yang rendah tidak akan menakut dan tidak begitu membebankan pesalah sama ada untuk membayar denda atau menjalani hukuman penjara atau kedua-duanya sekali.

Keduanya, jenayah zina atau pelacuran atau bersekedudukan adalah jenayah yang tertua dan sukar untuk diatasi jika tidak ada hukuman yang berat.

Ketiganya, dalam masyarakat kita yang sudah lama menerima pengaruh Barat dengan segala macam yang boleh merosakkan moral dan akhlak muda mudi kita serta pergaulan yang bebas antara perempuan dan lelaki membolehkan jenayah bersekedudukan berlaku pada bila-bila masa dan tempat.

Dengan bersandarkan kepada hukuman saja tanpa memperhitungkan cara-cara lain yang membolehkan pesalah serasi takut terutama kepada Tuhan maka hukuman tidak akan berkesan. Dalam hal ini iman yang kuat nosti ditanam pada setiap orang Islam. Kawalan keluarga dan masyarakat ke atas pergaulan muda mudi dan pengaruh yang membolehkan jenayah ini berkesbang dengan lebih berleluasa lagi harus disekat.

BAB 5

CADANGAN MEMBAIKI HUKUMAN DAN MENGATASI MASALAH BERSEKEDUDUKAN

Jika dilihat pada jumlah jenayah bersekedudukan yang didaftarkan, kadarnya semakin berkurang dari setahun ke setahun. Sekali pandang ianya merupakan suatu perbandingan yang sihat. Akan tetapi kejadian sebenarnya iaitu yang tidak dapat ditangkap oleh pihak berkuasa mungkin lebih banyak lagi. Anggapan kadarnya yang semakin berkurangan hanya didasarkan kepada jumlah kesalahan yang dapat ditangkap. Sungguhpun jumlah kesalahan yang telah ditangkap semakin berkurangan tetapi jumlah yang berkurangan itu masih lagi merupakan satu jumlah yang besar dan menunjukkan ianya masih berleluasa. Memandangkan keadaan ini tindakan yang lebih tegas lagi perlu dilakukan seperti dari segi hukuman dan cara-cara lain supaya jenayah ini akan berkurangan dan seboleh-bolehnya terus terhapus.

Langkah pertama dalam menuju kepada pencapaian satlamat untuk mengatasi jenayah bersekedudukan ialah dengan membaiki hukuman dan undang-undang yang berkaitan dengan jenayah ini ke arah yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Hukuman boleh dianggap sebagai satu alat untuk memberi pembelaan dan pengajaran kepada pesalah atau pelaku jenayah supaya dengan itu akan menyedarkan dan menakutkan bukan saja orang yang melakukan

jenayah tetapi juga kepada masyarakat seluruhnya. Dengan ini akan menghindarkan setiap orang daripada melakukan jenayah dan seterusnya menghapuskan kejadian jenayah.

Jika dibandingkan undang-undang berhubung dengan rumah-tangga dengan undang-undang jenayah di Malaysia, undang-undang rumah-tangga agak lebih baik sedikit. Hukuman denda dan penjara bagi jenayah bersekodudukan misalnya amat rendah sekali iaitu tidak melebihi daripada 1000 ringgit atau 6 bulan penjara. Nasalah bersekodudukan merupakan satu nasalah besar di mana ia yang melibatkan ramai yang melakukan zina. Dengan yang demikian jika kalaun sengikut hukum syarak, orang yang bersina nanti dihukum dengan seratus kali sebat jika mereka belum pernah berkahwin dan jika sudah berkahwin termasuk janda dan duda hendaklah direja sampai mati. Ini menampalkan kepada kita bahawa undang-undang dan hukuman mengenai jenayah bersekodudukan serta lain-lain jenayah telah dipinda dan disesuaikan semikian rupa sehingga lari dari hukuman yang sebenarnya. Oleh sebab itu hukuman yang ada pada hari ini tidak akan dapat memenuhi maksud untuk memperbaiki akhlak dan menegakkan kemanusiaan yang hakiki. Pendeknya kesan dan pengajaran tidak ada.

Negeri Kelantan ada membuat kajian untuk membaiki dan membentuk beberapa pindaan ke atas hukuman yang berkuatkuasa sekarang khususnya ke atas jenayah bersekodudukan. Bagaimanapun keputusan pindaannya belum lagi dikeluarkan untuk perlaksanaan.

Tetapi menurut penjelasan Timbalan Madi Besar Kelantan, mungkin pindaan tersebut tidak berapa jauh besanya daripada yang telah tersedia. Kata beliau lagi jika kerajaan agak tergesa-gesa untuk melaksanakan undang-undang Islam yang sebenar dan menyeluruh bagi Malaysia disebabkan oleh setengah masyarakat atau kumpulan yang belum bersedia menerima, maka sudah sampaikan masanya undang-undang yang sedia ada diperbaiki sebagai langkah persuaian. Sekurang-kurangnya jumlah hukuman denda dan penjara harus digandakan supaya melebihi daripada apa yang ada sekarang. Untuk maksud ini Mahkamah Syariah mestilah diberikan kuasa yang lebih lagi.

Bersesuaian dengan cadangan Dr. Harun Din, peraturan yang menyekat Mahkamah Syariah menjalankan hukuman yang melebihi denda 1000 ringgit atau 6 bulan penjara hendaklah disenaruhkan. Mahkamah Syariah menurutnya hendaklah diberi kuasa untuk menghukum dengan berdasarkan ajaran Islam yang sebenar dan sekiranya hukuman takzir maka ia hendaklah mempunyai kompatibahan dengan kesalahan yang dilakukan.¹

¹ Jalili A. Rahman, "Penyelewengan Terhadap Undang-Undang Islam", Devan Masyarakat, DBP, Bil. 10, Okt. 1976, hal. 32.

Pembaikan seperti mana yang dikatakan oleh Kadi tadi merupakan sedikit dari perubahan hukuman takzir sekarang. Pembaikan boleh dibuat dengan lebih baik lagi dengan mengenakkan hukuman sebat sehingga kepada 10 kali sebat yang mana undang-undang dan hukuman ini masih belum ada di Mahkamah-mahkamah Kadi. Perlaksanaan hukuman sebat merupakan satu lagi cara untuk membaiki hukuman takzir supaya ianya merupakan hukuman yang sempurna mengikut Islam. Dengan peruntukan ini sesuai jika hukuman ke atas orang yang bersekedudukan ditambah dengan hukuman 10 kali sebat jika kesalahan yang dilakukan adalah berat seperti kerana kerap melakukan zina.

Setakat ini Pahaman Syariah tidak diperuntukkan kuasa untuk menghukum pesalah-pesalah bukan Islam yang melakukan kesalahan yang sama atau bersama dengan orang Islam. Oleh itu orang bukan Islam akan terlepas begitu saja tanpa hukuman sedangkan pesalah yang berugama Islam tetap menerima hukuman jika sabit kesalahannya. Dalam usaha untuk memperbaiki hukuman supaya lebih keras dan sempurna, hukuman juga mestilah dikenakan kepada pesalah bukan Islam, lelaki dan perempuan. Ini disebabkan mereka telah melibatkan diri dengan orang-orang Islam dan bersama-sama terlibat mencemarkan ugama Islam serta mereka juga yang menyebabkan berlaku kejadian bersekedudukan. Sedangkan kalau sebelah pihak saja yang memainkan peranan, kejadian ini tidak mungkin terjadi.

Cadangan ini bersetujuan dengan rancangan yang dibuat di Bengkel Agama Konvensyen UMMO Negeri Melaka pada 10 Mei 1981² yang mengesyorkan pengenaan hukuman bukan sahaja ke atas orang bukan Islam yang bersekutuhan tetapi juga ke atas mereka yang berkhilwat, kecuali jika perbuatan mereka tidak melibatkan pasangan yang beragama Islam kerana mungkin budaya dan agama mereka membenarkan perbuatan sedemikian. Mereka bebas mengamalkan budaya dan agama mereka dan kita tidak boleh memaksa orang bukan Islam menurut adat dan ajaran Agama Islam. Bagaimanapun kebebasan mestilah ada batasnya seperti tidak mencemarkan Agama Islam yang lebih-lebih lagi dalam perlembagaan telah diakui sebagai agama rasmi di Malaysia.

Kenapa undang-undang Islam mestilah dilaksanakan kepada orang bukan Islam? Jawabannya ialah kerana mahu menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang. Kedaulatan undang-undang menghendaki supaya semua orang sama saja di hadapan undang-undang, sesua orang menerima hukuman daripada undang-undang yang sama. Seseorang tidak boleh dibezakan dalam undang-undang nejata-mata kerana agamanya berlainan. Menghukum orang Islam sahaja yang bersama adalah tidak adil kerana bertentangan dengan kedaulatan undang-undang.³

²Berita Minggu, Ahad, 10 Mei 1981 (lihat lampiran sebelah)

³H.M. Jalili, "Undang-Undang Islam : Perlaksanaannya Bagaimana", Dewan Masyarakat, DBP, Bil. 7, Julai, 1978, hal. 15.

RUMUSAN BENGKEL AGAMA....

Khalwat: Denda lelaki wanita bukan Islam

HUKUMAN denda terhadap orang-orang yang berkhalwat atau ditangkap basah hendaklah dikenakan kepada semua pihak tidak kira lelaki atau wanita bukan Islam.

Jika yang ditangkap itu antara wanita Islam dengan lelaki tidak Islam atau sebaliknya, semua pihak perlu dihukum, demikian kata antara rumusan di Bengkel Agama Konvensyen UMNO Negeri Melaka di sini hari ini.

Soal menaikkan mas kahwin mendapat perhatian ramai. Ini bersetujuan dengan kenaikan harga-harga barang sekarang.

Bengkel agama juga menyeru diselaraskan adat-istiadat orang Melayu dengan hukum syarak.

Mengenai taraf Mahkamah Syariah, bengkel mendorong tarafnya ditinggikan hingga ke taraf Mahkamah Tengah. Ini adalah sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Satu lagi rumusan

mendesak Kerajaan menggantikan acara minuman negara atau "toast" dengan bacaan doa. Ramai berpendapat kebiasaan minuman negara ini adalah kesan peninggalan penjajah dan tidak harus diteruskan.

Menegur tolak-anaur dalam mengamalkan kebebasan beragama di negara bengkel agama juga mendesak Kerajaan menentukan sebelum kuil atau tokong didirikan hendaklah

diminta kebenaran dari pihak berkuasa.

Cara ihl tidaklah kuil-kuil atau tokong itu dibina sewenang-wenangnya hingga ada ditempatkan terlalu berhampiran dengan kawasan kediaman orang Islam.

Isu mengenai kedai-kedai makan yang meletakkan tanda halal dengan sewenang-wenangnya turut dikecam. Bengkel men-

desak Jabatan Agama Islam mengkaji semula syarat-syarat pemberian lesen kepada kedai-kedai makan ini supaya tidaklah disalahgunaan.

Mengenai undang-undang Akta Sewa 1948, bengkel mendorong supaya dikaji semula bayaran terhadap tanah-tanah dan harta kepunyaan Majlis Agama Islam supaya selaras dengan nilai harta wakaf sekarang.

Akhirnya untuk membaiki hukuman ke atas pesalah yang bersekodudukan khususnya dan penjenayah lain umumnya ialah dengan perlaksanaan undang-undang Islam yang sebenarnya. Perlaksanaan undang-undang Islam perlu disebabkan dengan cara inilah pembaikan kepada hukuman sekarang boleh dilakukan di mana bukan saja hukuman takzir dapat diperbaiki tetapi hukuman hudud dan qisas juga dapat dilaksanakan.

Hukuman hudud ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah terhadap beberapa kesalahan dan salah satunya kesalahan zina. Telah dijelaskan bahawa hukuman ke atas penzina ialah rojaz atau sebat. Terdapat beberapa hikmat disebalik hukuman rojaz dan sebat di camping untuk menakutkan pesalah dan orang ramai. Antara hikmatnya ialah: pertama, untuk memelihara kerukunan rumah tangga sebab jika salah satu nampak ada suami atau isteri membuat salah maka rumah tangga akan roboh dan hubungan keluarga akan retak.

Kedua, untuk memelihara keturunan agar tidak bercampur dengan banyak keturunan dan seseorang akan dapat dinisabkan keturunan dan warisannya.

Ketiga, untuk mengelak pertelingkahan keluarga orang yang berzina yang mungkin akan merosakkan nyawa dan harta.

Keempat, untuk mengingatkan manusia supaya memilih jalan syariat dan jangan sampai ada orang yang mengambil jalan sendiri yang menudarathkan.

Untuk mengelakkan bencana-bencana di atas yang mungkin menimpa pensina dan keluarganya serta untuk mengingatkan manusia supaya menjauhi zina maka lebih baik orang yang bersina, direjam supaya terhapus dari suka bumi atau dicebat. Bagi orang yang belum berkahwin, hukumannya lebih ringan iaitu dicebat sebanyak seratus kali. Dengan hukuman ini mungkin seseorang pesalah dapat lagi meneruskan hidupnya tetapi apa yang berlaku ke atasnya tetap menjadi pengajaran agar tidak melakukan kesalahan lagi di muka depan. Selain daripada itu hukuman rojam dan sebat dapat memberi pengajaran kepada masyarakat yang belum lagi melakukan zina sebab setiap hukuman sebat dan rojam diperlihatkan kepada masyarakat dan malahan masyarakat sendirilah yang seharusnya melakukan hukuman rojam.

Satu persoalan timbul iaitu di Negeri Kelantan jenayah yang berlaku ialah jenayah bersekodudukan bukannya zina. Jadi bagaimanakah untuk melaksanakan hukumah hudud. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa setiap pesalah yang bersekodudukan telah diubah tuduhan ke atasnya dari melakukan zina kepada mencuba melakukannya persetubuhan haran disebabkan oleh tidak adanya hukuman hudud dan susahnya untuk membuktikan setiap pesalah telah berzina. Dengan ini hukuman hudud tidak dapat dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah ke atas orang yang bersekodudukan.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan perlu melaksanakan undang-undang Islam sebab dengan berbuat demikian tuduhan zina boleh dikenakan ke atas orang yang bersekedudukan. Bagaimanapun bukan senang untuk membuktikan bahawa seseorang telah melakukan zina. Ianya memerlukan pembuktian pada sistem kesaksian atau pembuktian sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam agar seseorang tidak teraniaya daripada tuduhan-tuduhan palsu.

Jika desikian susahnya, orang mungkin akan bertanya, apa gunanya undang-undang jika praktiknya sukar sekali? Bagi ahli undang-undang pertanyaan ini tidak timbul sebab undang-undang dibuat biar bagaimana sekalipun susunannya, tidak perlu dipandang dari segi praktikalnya. Apa yang dikira ialah kesan kepada orang ramai agar undang-undang dipatuhi dan larangan dijauhi sama ada dengan kesedaran atau rasa takut. Lagipun tidak mustahil untuk melaksanakannya, memandangkan ada negara-negara seperti Iran, Arab Saudi dan Pakistan yang berjaya melaksanakannya.

Cita-cita untuk mewujudkan perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia bersula sejak awal abad ke 20 lagi. Kemudian-nya berkembang bersama-sama dengan perkembangan politik tanah air terutama penimpin-penimpin Parti Islam Se Malaysia (PAS) yang telah menyuarakan cita-cita mereka. Kemudian timbul pula gerakan-gerakan dakwah yang berusaha mendesak kerajaan dan menyedarkan rakyat supaya kembali kepada ajaran Islam.

Sebagai langkah pertama ke arah ini Dato' Syed Agil Barakbah Al-Haj telah mengesyorkan dalam satu seminar baru-baru ini agar Kerajaan Persekutuan menunda Akta Mahkamah Syariah 'Bidang Kuasa Jenayah 1965' untuk memberi lebih kuasa kepada Mahkamah Syariah supaya seimbang dengan kuasa yang diberikan kepada Hakim Mahkamah Tengah (untuk Kadi Besar) dan Majistret Kelas I (untuk Kadi-kadi). Sekiranya berjaya maka bukan sahaja bidang kuasa hukum Mahkamah Syariah seimbang dengan bidang kuasa Mahkamah Session dan Majistret, bahkan aksesori hukuman sebat juga.

Seterusnya kerajaan boleh menghapuskan segala undang-undang jenayah moden di Malaysia dan menggantikannya dengan undang-undang jenayah Islam. Mungkin cara ini agak keterlaluan dan tergesa-gesa tanpa memperhitungkan 'practicability' untuk berbuat demikian dan tanpa melihat kepada akibat dari segi perlembagaan serta proses kehakiman yang sedia wujud. Dengan kata lain perlaksanannya akan menemui kegagalan kerana diragui undang-undang mungkin hanya wujud dalam akta saja tetapi tidak dilaksana dengan berkesan. Keadaan ini ditambah pula dengan adanya setengah golongan yang tidak dapat menerisanya.

Walau bagaimanapun sama ada masyarakat akan menerima atau tidak, itu soal lain sebab undang-undang Islam belum lagi diperkenal dan dicuba. Yang penting di sini sudah pasti jika undang-undang Islam dilaksanakan, bukan saja jenayah beraekodudukan

dapat diatasi malahan juga jenayah-jenayah lain. Mungkin permintaan dua orang janda kepada Hakim Mahkamah Syarikat Wilayah Persekutuan³ dan Hakim Mahkamah Syarikat Johor Bharu⁴ baru-baru ini supaya dijatuhkan hukuman sebat 100 kali dan bukan denda \$300/- ke atas kes pertama dan hukuman paling berat, bukannya denda sebanyak \$1,000/- ke atas kes kedua kerana kesalahan zina, adalah satu petanda baik bahawa masyarakat dapat menerima undang-undang Islam. Walaupun bagi seseorang yang sudah janda hukumannya ialah direjaas sampai mati bukannya disebat.

Belain daripada dengan membaiki hukuman dan undang-undang untuk mengatasi jenayah bersekedudukan, pihak Majlis Ugama Islam di tiap-tiap negeri juga boleh melaksanakan langkah yang lebih tegas lagi seperti pemeriksaan dan rondaan oleh pasukan pencegah maklumat terutamanya di tempat-tempat yang biasanya jenayah ini dilakukan seperti di sarang pelacuran, di hotel dan lain-lain. Tempat pelacuran mestilah diharapkan.

Bagaimanapun di Negeri Kelantan tempat-tempat seperti ini amat kecil sekali bilangan kejadiannya jika dibandingkan dengan kejadian yang berlaku di rumah-rumah di kawasan kompung dan daerah pendalaman. Keadaan ini merumitkan pihak yang ber-

³ Utusan Malaysia, Selasa, 7 Julai 1981. (Lihat lansiran sebelah).

⁴ Berita Harian, Selasa, 1 Dis., 1981. (Lihat lansiran sebelah).

Zina: Janda minta sebat seratus kali

OLEH
AHMAD MOHAMMAD

KUALA LUMPUR
7 Julai — Seorang janda, Zainab binti Isin yang dijatuhan hukuman denda \$300 kerana kesalahan zina telah meminta Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman sebat seratus kali ke atasnya.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Syariah yang membicarakannya, Sheikh Ghazali Abdul Rahman berkata, mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman tersebut.

Janda anak satu itu akhirnya membayar denda tersebut.

Zainab, 35, mengaku salah atas tuduhan berzina dengan Nazri bin Isa, 31, pada bulan Mac tahun 1979 pukul 9 malam di Kampung Malaysia Jaya, Jalan Kuchai Lama, Sungai Besi di sini.

Hakim bicara, Sheikh Ghazali bagaimanapun menangguhkan soal permintaan Zainab supaya dia disebat sehingga mahkamah diberi kuasa menjatuhkan hukuman itu.

Zainab dalam permintaannya berkata, dia mahu dijatuhan hukuman sebat mengikut hukum syarak kerana hendak membersihkan dirinya dari dosa.

Zainab ketika meminta hukuman sebat (hu-

dud) mengikut undang-undang Islam yang sebenarnya berkata: "Saya tidak bersetuju dengan hukuman adat iaitu denda \$300, saya mahu hukum syarak".

"Dengan menjalankan hukuman Islam, saya benar-benar dapat membersihkan dosa-dosa di dunia dan di akhirat", tegasnya.

Kahwin

Pegawai Pendakwa Mahkamah, Encik Abdul Kadir Che Kob memberitahu mahkamah, Zainab dan Nazri telah pun melangsungkan perkahwinan selepas mereka melakukan zina.

Katanya, sebelum melangsungkan perkahwinan Zainab telah mengadu kepada Bahagian Pengukuasa Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan yang dia telah melakukan zina.

Kira-kira empat bulan selepas perzinaan itu, Zainab pun melangsungkan perkahwinan dengan Nazri, dan hasil dari perkahwinan itu mereka dikurniakan seorang cahaya mata lelaki, yang kini berusia 1 tahun.

"Zainab dan suaminya itu telahpun bercerai pada 24 Jun lalu", kata pendakwa.

ZINA: WANITA RAYU HUKUMAN PALING BERAT

Oleh SHAMSIAH SANIN

JOHOR BAHRU, Isnin — Seorang wanita beranak dua, hari ini merayu Mahkamah Syariah di sini, menjatuhkan hukuman yang paling berat ke atasnya kerana berzina, sebagai menebus dosa-dosanya.

Wanita berumur 25 tahun dari Perak itu berkata: "Saya minta Tuan Hakim menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya ke atas saya kerana berzina."

"Saya, rela menerima hukuman yang setimpal dengan dosa yang saya lakukan itu, kerana saya merasa diri saya tidak suci seperti orang Islam yang lain."

Wanita itu menerangkan,

suaminya telah memaksanya menjadi pelacur.

Ia dan pasangannya dari Singapura, berusia 27, hari ini mengaku bersalah berzina di sebuah hotel di bandar ini di mana mereka ditangkap pada 16 November lalu jam 1.30 pagi.

Hakim Syed Ali menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan denda sebanyak \$1,000 atau tiga bulan penjara ke atas wanita itu, sementara pasangannya didenda \$450 atau penjara dua bulan.

Ketika menjatuhkan huku-

man tersebut, Hakim Syed Ali Abu Bakar menyatakan rasa kesyukuran kerana pasangan itu telah insaf dan bertaubat.

Hukuman yang dikenakan ke atas wanita itu adalah maksima kerana mahkamah tidak mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman yang lebih berat lagi, misalnya, berdasarkan hukuman Al-Quran, kata Syed Ali.

"Mahkamah ini hanya boleh menjatuhkan hukuman seperti yang tercatit di Enakmen Penadbiran Agama Islam Johor.

"Jadi hukuman yang kamu pinta, berdasarkan hukuman Allah tidak dapat dijatuahkan oleh mahkamah ini.

"Hukuman mahkamah bukan untuk menyecka kamu, tetapi sekadar memberi ingatan kepada kamu supaya kamu segera bertaubat," kata Syed Ali.

Hakim itu juga menyatakan rasa kesal ke atas sikap setengah-setengah suami yang tidak bertanggungjawab sehingga tergamak menjadikan isteri mereka pelacur.

Menurutnya, perkara seperti ini tidak akan wujud sekiranya setiap orang mempunyai pendidikan agama yang mencukupi.

kuasa untuk mengosan kejadian jenayah ini jika tanggungjawab hanya disorahkan kepada sahaja kerana mereka juga mendapat maklumat dari orang ramai.

Oleh sebab jenayah ini banyak berlaku di kampung-kampung maka masyarakat boleh membantu pihak berkuasa untuk menatasinya. Mungkin jawatankuasa boleh ditubuhkan di setiap kampung dengan Imam dan Penghulu boleh dipertanggungjawabkan untuk mengawasi anak buahnya. Mereka seharusnya melaporkan segera kepada pihak yang berkuasa jika didapati dan disyaki kejadian jenayah ini.

Terdapat kejadian di tempat penulis sendiri di mana sudah beberapa minggu kejadian bersekedudukan berlaku tetapi tidak dipedulikan oleh Imam dan penghulu di kampung itu sebagai orang yang bertanggungjawab mengaval kejadian jenayah di kawasan mereka. Hanya apabila keadaan sudah tidak terkawal lagi barulah kejadian itu dilaporkan. Tindakan seperti ini tidak seharusnya berlaku agar jenayah ini sekurang-kurangnya dapat dibendung. Tidak dapat dinafikan masyarakat kampung akan tahu apa-apa yang berlaku di kampung mereka. Cuma sungkin mereka tidak ambil peduli ataupun tidak mahu dikatakan suka menjaga tepi laluan orang.

KESIMPULAN

Dalam huraian yang lepas penulis telah menerangkan berkenaan dengan jenayah bersekedudukan dengan ciri-cirinya yang tertentu. Namun setelah diteliti terdapat satu jenayah lain yang boleh dipisahkan secara tidak langsung dari jenayah bersekedudukan yang sebelum ini pemisahan tersebut tidak dilakukan oleh penulis. Oleh itu terdapat dua perbuatan yang boleh berdiri sebagai satu jenayah yang tersendiri.

Perbuatan yang dimaksudkan ialah pertama sekali perbuatan yang boleh dinamakan sebagai sebenar-benar bersekedudukan dan sesuai juga dinamakan dengan 'mencuba melakukan persetubuhan haran' saja. Pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan ini hanya duduk berdua-duaan dengan keadaan tertentu seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Dalam keadaan berduaan, mungkin satu-satu pasangan ada melakukan perbuatan sumbang ataupun tidak melakukannya. Apa yang dimaksudkan dengan perbuatan sumbang ialah seperti bercumbuan dan lain-lain tetapi bukannya bersina.

Keduanya ialah perbuatan sina yang mana pesalah bukan saja bersekedudukan tetapi juga melakukan sina. Penulis menyimpulkan bahawa adanya dua jenayah yang berlainan yang terkandung dalam jenayah bersekedudukan disebabkan tidak dapat dinafikan bahawa ada setengah pasangan yang bersekedudukan tetapi tidak

atau belum melakukan zina. Sebaliknya setengah daripada mereka telah melakukan zina.

Hukuman ke atas dua perbuatan atau jenayah yang berbeza ini seharusnya pula berbeza. Jika hukuman takzir dikenakan ke atas orang yang bersekedudukan saja iaitu perbuatan yang pertama di atas maka ianya boleh diterima dan tidak menimbulkan masalah. Sebabnya mereka yang dimaksudkan tidak melakukan zina dan hukuman hudud seperti ke atas orang yang berzina tidak dapat dilaksanakan ke atas mereka. Berlainan dengan jenayah zina yang hukumannya telah ditetapkan oleh Allah tetapi tidak dilaksanakan ke atas mereka sekarang ini. Perkara inilah salah satunya yang selalu dipersoalkan oleh setengah orang sekarang.

Terdapat anggapan yang berbeza antara undang-undang moden atau undang-undang adat ciptaan manusia dengan undang-undang Allah ke atas perlakuan yang tertentu sama ada ianya satu perbuatan jenayah atau tidak. Keadaan ini disebabkan kriteria bagi menentukan jenayah oleh kedua-duanya berbeza pada aspek tertentu.

Agama Islam yang maha suci memang menyimpan sebab yang tersendiri mengapa sesuatu perlakuan dianggap jenayah. Larangan supaya menjauhi daripada melakukan bersekedudukan dan zina serta akibat-akibat jika tidak mematuhi sudah tersedia diterangkan dalam kitab suci Al-Quran dan Sunnah Rasul. Hanya terpulang

kepada manusia mengkaji dan meneliti maksud dari larangan tersebut. Manusia juga boleh memerhatinya dari akibat-akibat yang telah berlaku dulu dan sekarang yang telah menimpa manusia.

Sesungguhnya pengetahuan manusia amat cetek dan dengan itu undang-undang ciptaan manusia tidak akan dapat menandingi undang-undang Tuhan. Undang-undang manusia hanya mementingkan kutukan dan gangguan kepada masyarakat. Itulah sebabnya mengapa perbuatan bersekedudukan dan zina tidak dianggap jenayah oleh mereka. Tapi apakah mereka tidak melihat bahawa banyak keburukan yang timbul akibat dari perbuatan tersebut sehingga tidak dapat membezakannya antara jenayah dan bukan jenayah. Ambil saja satu contoh iaitu penyakit kelamin. Bukanakah ini satu kesan buruk akibat dari persinaan dengan pelacur.

Bagi masyarakat Melayu serta dengan adatnya menganggap bersekedudukan sebagai satu jenayah. Salah satu sebab utama mengapa iaanya dianggap demikian ialah pengaruh Agama Islam yang mengajarnya demikian. Tetapi masyarakat lain yang mungkin tidak mementingkan ajaran agama mereka ataupun kerana agama mereka tidak selarang perbuatan zina telah menyebabkan adat-adat mereka terpesug jauh dari kebenaran.

Anggapan bahawa bersekedudukan bukannya jenayah menjadikan undang-undang moden yang diamalkan oleh pemerintah Malaysia tidak berminat untuk caspurtangan dalam menyelesaikan jenayah ini ataupun membaiki hukuman yang telah tersedia ke arah yang lebih

baik. Dengan itu terpakalah pihak Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri melalui Mahkamah Syariah sebagai Mahkamah kelas dua senyelesaikannya kerana Islam menganggapnya sebagai jenayah. Bagaimanapun sama ada pesalah yang bersekedudukan tidak melakukan zina ataupun telah bersina tidaklah menjadi soal. Apa yang penting ialah kedua-duanya merupakan jenayah dan umat Islam sangat ditegah daripada melakukannya.

Pada hakikatnya, hukuman yang dikenakan ke atas orang yang bersekedudukan oleh Mahkamah Syariah sekarang sama sahaja sama ada pesalah tersebut telah bersina atau tidak. Ini bererti kedua-duanya termasuk dalam lingkungan hukuman penjara dan denda (takzir) dengan tidak melebihi daripada apa yang ditetapkan. Cuma apa yang berbeza ialah kadar hukuman bagi orang yang bersina lebih tinggi sedikit.

Dalam Islam, orang yang bersina hendaklah direjas atau sebat. Tetapi dengan alasan-alasan yang tertentu seperti yang dijelaskan dalam bab 2 maka pesalah yang bersekedudukan tidak dapat dituduh melakukan zina. Dengan itu hukuman hudud tidak dapat dikenakan ke atasnya. Bagaimanapun perkara ini boleh di-atasi dan tidak menjadi masalah sebab undang-undang Islam dicipta bukan sebagai teori sahaja tetapi dapat juga diperaktikkan. Cuma syarat-syaratnya yang sedemikian rupa ditetapkan supaya tidak akan ada pihak yang teraniaya.

Undang-undang dan hukuman ke atas jenayah bersekutuhan dan malahan jenayah lain yang dibicarakan di mahkamah-mahkamah civil sekarang belum lagi mencapai matlamat sepenuhnya. Dalam masalah bersekutuhan misalnya, sebagi tidak ada perlaksanaan hukuman Islam dan perbaikan proses-proses pembuktian maka selagi itulah pesalah yang bersifat tidak dapat dituduh melakukan zina dan dengan itu juga masalah zina tidak dapat diatasi.

Islam telah mengesahkan undang-undang hadud untuk keselamatan manusia seumurnya. Undang-undang jenayah Islam mampu mengatasi persebaran dengan dua cara yang pokok.

Pertama, perlaksanaan hukuman hadud seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Kedua, Allah akan menghalang masyarakat dari melakukan jenayah.

Contoh-contoh sudah jelas menunjukkan bahawa undang-undang hadud adalah satu-satunya yang akan memberi kebahagiaan kepada manusia. Majlis-majlis Agama Islam di Malaysia hendaklah segera mengambil inisiatif ke arah melaksanakan hukum jenayah seperti yang dikehendaki oleh Islam. Segala peruntukan undang-undang sekarang semestinya dipergunakan sepenuhnya tanpa memilih pangkat dan darjah.

Senua pihak hendaklah mengalu-alukan sebarang langkah ke arah merealisasikan hukum Islam sebagai hukum yang sebenar untuk faedah umat manusia. Tetapi sering kedengaran di kalangan kaum-kaum terpelajar dari kalangan orang Islam sendiri yang lantang dan berani mengemukakan bahawa ajaran Islam serta hukuman-nya itu tidak boleh dilaksanakan di dalam negara terutama negara yang berpendudukan berbilang bangsa seperti Malaysia lebih dari pada itu mereka lantas menganalisa falsafah politik Agama Kristian iaitu pemisahan agama dari Negara (politik).

Sekali imbac memanglah orang-orang sudah menuduh hukum-hukum Allah tidak sesuai dan kejemu. Orang Barat dan orang Timur yang terpengaruh dengan perundangan Barat amatlah mudah menuduh demikian. Tetapi kalaularah benar-benar dikaji dan diteliti secara lebih mendalam, lebih sedar dan insaf, kita dengan sudah juga dapat melihat hikmat-hikmat yang tinggi dan nilai yang besar dari hukum Allah ini umpamanya hikmat hukuman ke atas penzina. Kiranya hukum ini benar-benar dilaksanakan di tengah-tengah masyarakat, sudah pasti ia sangat memberi kesan dan akan lebih mempengaruhi orang ramai akan rasa takut untuk melakukannya.

Memanglah amat sesuai dengan hukuman Allah yang Nabi mengetahui ini buat seseorang perosak keturunan. Orang tidak akan begitu mudah dan berani melakukan perbuatan zina setelah mereka melihat hukum seperti ini. Dan pastilah masyarakat akan lebih terpolihara dari perzinan.

Akan tetapi kalau hukuman hanya sekadar didenda beberapa ringgit sahaja atau dipenjara buat beberapa hari sahaja, sudah pastilah hukuman-hukuman ini tidak akan memberi kesan yang mendalam dan tidak akan menakutkan orang dari berbuat zina. Barangkali kerana hukuman-hukuman yang ringan inilah maka kini kita lihat di mana-mana ada berlaku perbuatan zina yang agak berleluasa.

Demikian juga dengan hukuman Allah yang lain. Semuanya difardhukan Allah demi untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup hambanya yang bernama manusia. Tetapi hukuman Allah yang sangat tinggi nilai dan hikmatnya sudah tidak dilaksanakan lagi oleh pemerintah Islam hari ini, kerana kebanyakannya dari pemegang-pemegang tempuk poserintahan negara-negara Islam itu terdiri dari orang-orang yang bukan berpengetahuan Islam yang mendalam, jauh dari mengenali Al-Quran dan Al-Hadis dengan ertikata yang sebenar-benarnya. Malahan mereka lebih merupakan anak-anak yang lahir dari institusi-institusi pendidikan barat yang jauh dari mengenali hukum-hukum Allah.

Al-Qur'an dan Terjemahan. RUJUKAN 12

Al-Qur'an dan Terjemahan, Cetakan Kedua, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1979.

Ancel, M., Social Defence : A Modern Approach To Criminal Problems, New York : Schocken, 1965.

Clinard, M.B., Sociological Of Deviant Behaviour, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1963.

Cloward, R.A., "Illegitimate Means, Anomie and Deviant Behaviour", American Sociological Review, Vol. 24, 1959.

Hart, H.L.A., Law, Liability and Morality, London; Oxford University Press, 1962.

Hall, J., General Principles Of Criminal Law, Ed. 2, New York; Bobbs-Merrill, 1947.

Holmes, Oliver Wendell Holmes., The Common Law, edited by Mark De Wolfe Howe, (McMillan, London, 1960).

Halimah, S.H., Hukum Pidana Syariat Islam Menurut Ahlul Sunnah, Djakarta : Bulan Bintang, 1970.

Kant, I., The Philosophy Of Law, Part II, trans, W. Hastil (Edinburgh : T.T. Clark, 1887).

Linton, R., "The Cultural Background Of Personality", London; Routledge and Kegan Paul Ltd., 1947.

Merton, R.K., "Introduction : The Sociological Of Social Problem", R.K. Merton and R.A. Nisbel, (ed), Contemporary Social Problems, Harcourt Brace Jovanovich, Inc. New York, 1976.

Merton, R.K., "Social Structure and Anomie" , American Sociological Review, Vol. 3, 1938.

Newman, G., The Punishment Response, New York; J.B. Lippincott, (copyright), 1977.

Nigam, R.C., Law Of Crimes In India, Vol. I., Bombay; Asia Publishing House, (copyright), 1965.

Phillipson, C., Three Criminal Law Reformers, Montclair, N.J. : Patterson - Smith, 1970.

Reiss, I.R., The Social Contact Of Premarital Permissiveness, New York : Binchart and Wiston, Inc., 1967.

Syed Ahmad Benait: Kuliah Subuh 1 : pada membicarakan 40 hadis, Singapura : Pustaka Nasional, 1979.

Kuliah Subuh 2 : pada membicarakan 40 hadis, Singapura : Pustaka Nasional, 1979.

Schafer, S. and Knudten, R.D., Juvinile Delinquency, New York : Random House, 1970.

Turner, J.W. Cecil; Kenny, Courtney Stanhope, Outlines of Criminal Law, (19th Edtion), Cambridge University Press, 1966.

Turner, J.W. Cecil; Russell on Crime, Vol. 1, (11th Edn), London: Stevens, 1958).

Undang-Undang Nukamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Tahun 1966.

Al-Quran

MAJALAH

Dewan Masyarakat, Kel. DBP, Bil. 10, Okt. 1976.

Dewan Masyarakat, Kel. DBP, Bil. 7, Julai, 1978.

Pengasuh, Kel. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bil. 418, September 1976.

AKHBAR

Berita Harian, Selasa, 1 Disember 1981.

Berita Minggu, Ahad, 10 Mei 1981.

Utusan Malaysia, Selasa, 7 Julai 1981.

BAHAN YANG TIDAK DITERBIT

Fail-Fail Kes Jenayah Bersekedudukan Bagi Negeri Kelantan Antara
Tahun 1977 Hingga 1980.

Undang-Undang Mahkamah Syariah Dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam
Tahun 1966 Bagi Negeri Kelantan.